

**PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
DI BILIK KEDAH,
KOMPLEKS PENTADBIRAN PERSEKUTUAN, SABAH**

JUMAAT, 25 NOVEMBER 2011

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir:

YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
[*Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi*] - *Pengerusi*
YB. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]
YB. Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]
YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]
YB. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]
YB. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]
YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [*Dengan maaf*]

YB. Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]

URUS SETIA

Encik Che Seman bin Pa Chik [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan]
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha
(Perundangan dan Prosiding)]
Encik Mohd. Ikram bin Seri @ Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan
(Perundangan dan Prosiding)]

HADIR BERSAMA

Parlimen Malaysia

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

YBhg. Datuk Hj. Md. Idris Ismail [Pengarah Pilihan Raya Negeri]
Dato' Haji Noordin Che Ngah [Timbalan Setiausaha]
Encik Harun Che Su [Timbalan Setiausaha]
Encik Hamzah Mohd Noor [Penolong Setiausaha]
Encik Shah Aruzaman bin Ismail [Setiausaha Bahagian (Pilihan Raya)]
Puan Hasemah binti Mahur [Ketua Pembantu Tadbir Kanan]
Puan Chica binti Nasir [Pembantu Tadbir]

samb/-

HADIR BERSAMA (samb/-)**Kementerian Dalam Negeri**

YBhg. Dato' Alwi bin Hj. Ibrahim [Timbalan Ketua Setiausaha Kanan]
Puan Siti Zauyah binti Osman [Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Negara & Pertubuhan)]
Puan Zuraidah binti Zainuddin [Timbalan Setiausaha Bahagian Komunikasi Korporat]
Tuan Haji Mohamad bin Mantek [Pengarah Imigresen Sabah]
Tuan Haji Hassan bin Abas [Timbalan Penolong Pengarah]
Encik Mohd Sofri [Jabatan Imigresen]

Jabatan Pendaftaran Negara

Encik Ismail bin Ahmad [Pengarah JPN Sabah]
Encik Abdul Rahman bin Md. Noor [Ketua Unit Sabah & Sarawak]
Encik Zulkifli bin Rahmat [Timbalan Ketua Pengarah]
Encik Md. Solehan Omar [Pengarah Bahagian Kad Pengenalan]
Puan Laila binti Majid [Timbalan Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat]
Encik Nik Hassan Fauzi [Penolong Pengarah BUA]
Puan Nik Nurashikin binti Nik Mansor [Timbalan Pengarah Bahagian Kewarganegaraan]
Puan Mazni binti Bidin [Pegawai Khas KPPN]
Encik Ruslan bin Alias [Penolong Pengarah Bahagian Kad Pengenalan]
Puan Zarifah binti Zulghaffar [Penasihat Undang-undang]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Encik Ismajuri bin Ismail [Penolong Pesuruhjaya]
Encik Daniel Dajin [Penolong Penguasa]
Encik Masri bin Seman [Timbalan Pengarah]
Puan Hamidah binti Mohd Nadzri [Timbalan Pengarah]
Encik Ch'ng Soon Heng [Ketua Penolong Pengarah SPRM Sabah]
Puan Junipah binti Wandu [Timbalan Pengarah (Bahagian Pemeriksaan & Perundangan)]
Encik Mazery bin Mohd Zain [Supritenden]

Polis Diraja Malaysia

YBhg. SAC Dato' Abdul Malek Harun [Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (Forensik Data Bank) Bukit Aman]
YBhg. SAC Dato' Haji Aris bin Haji Ramli [Ketua Penolong Pengarah Pentadbiran Penyelidikan, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman]
YBhg. SAC Dato' A. Rahman [Urus Setia Cawangan Khas]
SAC Hasanuddin bin Hassan [Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Perjawatan)]
SAC Abdul Hamid Mohd Ali [Komander Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) Bukit Aman]

Kementerian Pertahanan

Lt. Kol. Omar Daud [Penyelaras Parlimen]
Lt. Kol. Hamdan bin Yaacob [Pengurus ICT]
PW2 Ayub Abu Bakar [Penyelia ICT/PTN]

Kementerian Luar Negeri

Encik Mohd. Aznor Mahat [Pengarah Pejabat Wilayah Sabah]
Encik Aneurin Ignatius [Penolong Setiausaha Konsular]

samb/-

HADIR BERSAMA (samb/-)**Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan**

Encik Hj. Zaharin bin Zainuddin [Timbalan Setiausaha Bahagian]
Encik Hj. Abdul Rauf bin Jamalis [Ketua Penolong Pengarah]
Puan Artika binti Hj. Matbee [Penolong Pengarah Berita & Ehwat Semasa]
Encik James T. Sumbing [Penolong Pengarah C.P. Strategik]
Encik Mohd Fareez Aznul Apnan [Penolong Pengarah Jabatan Hal Ehwat Khas]
Encik Hermawan Mohamad [Jabatan Hal Ehwat Khas]
Encik Abdul Razak bin Hamid [Ketua Penolong Pengarah RTM Sabah]

SAKSI (PENDENGARAN AWAM)**Parti Maju Sabah (SAPP)**

YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [Presiden]
YB. Datuk Frankie Chong [Naib Presiden]

Parti Keadilan Rakyat (PKR) Sabah

Encik Taufik bin Haji Ruschi
Dr. Chong Eng Leong

Parti Sosialis Malaysia (PSM)

Encik Kanul Gindol

Parti UPKO

YBhg. Datuk Wilfred Tangau
YB. Datuk Majjol Mahap
YBhg. Datin Dr. Jaina Sintian
Encik Arthur Sen
Encik Wong Thein Fook
Encik Jaitol bin Anggong

Parti DAP Sabah

YB. Dr. Hiew King Cheu [Ahli Parlimen Kota Kinabalu]
Dr. Edwin @ Jack Bosi [Setiausaha Agung]
YB. Jimmy Wong [ADUN Sri Tanjung]
Encik Edward Ewol Mujie

Parti LDP

YB. Datuk Teo Chee Kang [Setiausaha Agung]
Encik Albert Kok [Ketua Perhubungan Awam]

Pertubuhan Kelahiran Murut Pribumi Sabah (BORNEO)

Encik Raunis Kandoi [Ketua Penerangan]
Encik Garius Puicin

Borneo Heritage Foundation

Encik Daniel John Jambun
Encik Felix Sitaun
Encik Lawrence Fung

samb/-

SAKSI (PENDENGARAN AWAM) *(samb/-)*

Pergerakan Pemuda Parti Bersatu Sabah (PBS)

Encik Webley Disim
Encik Viccor Lee
Encik Peter Chin

Individu

Encik Adris bin Taripin

Encik Kong Yun Chee @ Joshua Kong

Encik Osman bin Simpo

LAPORAN PROSIDING**PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KETIGA****Bilik Kedah, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Sabah****JUMAAT, 25 NOVEMBER 2011****Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.43 pagi**

[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Selamat pagi, selamat sejahtera dan selamat datang kepada semua ke Majlis Pendengaran Awam yang kedua iaitu bilangan ketiga bagi tahun 2011. Sebenarnya bilangan kedua ya, pada hari ini. Kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai dengan penambahbaikan sistem pilihanraya. Saya lihat barangkali ada sudah juga pihak yang ingin didengar berada di dalam bilik ini ataupun yang di bilik sebelah. Saya juga ingin menyatakan selamat datang kepada semua. Nanti saya akan beri peluang untuk penjelasan nanti khusus pada mereka yang telah memohon untuk hadir dan untuk didengar dalam sesi pendengaran awam bagi kali yang kedua ini.

Saya rasa saya ingin memperkenalkan Yang Berhormat dahulu untuk makluman khususnya masyarakat dari Sabah. Terima kasih juga kepada pihak SPR dan juga Jawatankuasa Sekretariat kita di Parlimen yang membantu untuk mengatur semua walaupun ada sempit sedikit di sini. Barangkali fasiliti pun sederhana, namun, pihak kita yakin kita boleh berfungsi juga dengan sepenuhnya.

Untuk makluman mereka yang datang untuk mendengar, pada Ahli-ahli Yang Berhormat, dari sana Yang Berhormat Hulu Selangor, Yang Berhormat Kapit, Yang Berhormat Alor Gajah, Yang Berhormat Kangar merangkap Timbalan Pengerusi, Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat Rasah. Satu orang Ahli Yang Berhormat kita iaitu Yang Berhormat Gombak dia mohon izin tidak dapat hadir kerana ada perkara yang tidak dapat dielakkan. So bagi pihak juga rakyat Malaysia di Sabah, saya mengalu-alukan kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat sekaligus juga dengan semua Seketariat daripada Parlimen, pegawai-pegawai yang bertugas serta juga semua pegawai-pegawai yang menjadi pegawai rujukan mahu pun dalam bentuk pemerhati ataupun kumpulan kerja pelbagai kementerian.

Saya mengatakan terima kasih dan khususnya sememangnya kepada pihak SPR dan yang menjadi *anchor* dan juga Kementerian Dalam Negeri menjadi *anchor* untuk perkara yang dirujuk.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada 11 dan 12 November 2011 iaitu Jumaat dan Sabtu, Jawatankuasa ini telah mengadakan Sesi Pendengaran Awam di Bilik Jawatankuasa 1 Parlimen Malaysia bagi mendapatkan maklum balas daripada pertubuhan-pertubuhan berdaftar, parti-parti politik serta individu terhadap penambahbaikan proses perjalanan pilihan raya. Pada dua hari sesi yang telah dijalankan tersebut, sebanyak 26 organisasi dan individu telah memberi cadangan dan pandangan kepada Jawatankuasa ini. Beberapa Jawatankuasa Kecil yang ditubuhkan berdasarkan terma-terma rujukan telah mengadakan mesyuarat bagi mendapatkan maklum balas dari agensi-agensi kerajaan berhubung dengan perkara yang telah dibangkitkan semasa Sesi Pendengaran Awam tersebut.

Pada hari ini, Jawatankuasa ini bermesyuarat di sini di Kota Kinabalu untuk siri kedua Sesi Pendengaran Awam ya. Kita akan menyambung sesi ini sehingga esok, hari Sabtu 26 November 2011. Memandangkan hari ini adalah hari Jumaat dan hari ibadah bagi umat Islam, maka saya bercadang supaya menangguhkan Mesyuarat nanti pada jam 12 tengah hari, dan disambung balik pada jam 2.45 petang.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: So, 11.45 pagi?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Okey, ikut pejabat punya masa 11.45 pagikan, 11.30 pagi?... Ikut la masa pejabat.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Jam 11.30 pagi. Kita ikutlah...

Tuan Pengerusi: Ikutlah pejabat punya masa okey? Masa pejabat.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Tidak, balik 2.30 petang. Okey 11.30 pagi dan 2.30 petang untuk makluman semua.

Dan sungguhpun begitu, program kita pada hari ini satu lagi, dari segi sesi pentadbiran, telah dirancang supaya malam ini ada Mesyuarat Bersama Jawatankuasa Induk dan kedua adalah Jawatankuasa Kecil untuk mengemaskini Laporan Jawatankuasa ini. Seperti mana kita telah putuskan bersama bahawa satu laporan awal akan disediakan dan dicadangkan untuk dibentangkan pada 1 Disember dan telah pun diputuskan bahawa makluman dan permohonan usul hendaklah dimasukkan pada 29 hari bulan. Ertinya kertas laporan itu hendaklah berada di meja Mesyuarat pada masa kita seperti biasa, amalan biasa pada masa kita mengangkat usul dalam Parlimen.

Maka dengan itu, lima Jawatankuasa Kerja itu hendaklah mengemaskini laporan-laporan yang setakat sampai pada hari esok nanti. Formatnya kita akan bincang bersama sekali lagi pada malam ini. Ada permohonan supaya kita kerja awal daripada kerja tengah malam. Jadi saya bercadang, menanggungkan Mesyuarat pukul 5.30 petang ini, dan terus masuk dalam Mesyuarat pentadbiran iaitu bersama dengan semua Jawatankuasa Kecil. Selepas itu barulah Ahli-ahli Yang Berhormat yang mempengerusikan Jawatankuasa Kecil itu boleh beredarkah, di kantinkah, di mana-mana pihak seketariat boleh bantu untuk bertemu dengan Jawatankuasa Kecil sendiri. Selepas itu boleh bersurai dan kalau perlu berjumpa lagi sebelah malam, itu terserah kepada pengerusi ataupun Jawatankuasa Kecil masing-masing, okey?

Saya juga ada cadangan untuk menghostkan *dinner* pada malam ini sebagai Ahli Parlimen Kota Marudu dan sila catatkan siapa yang ingin hendak ikut sama kita kemungkinan pada jam 8.30 malam. So sudah siap siapa yang hendak keluar sekejap sejam-dua jam hendak *joint the group* untuk makan bersama, sila beritahu kepada Seketariat. Okey, kita perlu jumlah supaya kita tahu berapa meja yang diperlukan kita hendak sebarkan makanan *seafood* daripada Negeri Di Bawah Bayu, negeri Sabah ini.

Baiklah, saya mahu terus masuk ke dalam Sesi Pendengaran Awam ini dan oleh kerana di sebelah adalah Bilik Menunggu bagi mereka yang telah pun diputuskan untuk mendengar ataupun untuk didengar, dan juga beberapa sudah ada dalam bilik ini, saya mahu tekankan beberapa syarat-syarat untuk diambil perhatian. Saya boleh mendengar di bilik sebelah sana pun banyak tepuk tangan, menyampuk sana. Tidak ada masalah itu tetapi apabila sesi ini berjalan, saya hendak tekankan bahawa beberapa perundangan ataupun peraturan yang perlu dipatuhi.

Pertama saya hendak tekankan kepada semua pemerhati dan yang telah pun memohon untuk didengar, bahawa sesi ini adalah Sesi Persidangan Parlimen dalam bentuk Jawatankuasa. Ini brerti bahawa peraturan-peraturan Parlimen hendaklah diguna pakai.

Maka dalam Sesi Pendengaran Awam ini, sebenarnya Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Jawatankuasa di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ini adalah ditugaskan untuk mendengar mereka yang ingin dan telah memohon untuk didengar, untuk memberi maklumat berasas kepada terma rujukan dan fungsi Jawatankuasa ini.

Dengan itu, apabila seseorang itu dipanggil sebagai saksi dan duduk di depan sana, dia diperakui sebagai saksi atau pun pemberi maklumat dan dia adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan Parlimen. Dia seolah-olah menjadi Yang Berhormat Parlimen sementara. Selama 10,15 atau 20 minit yang kami beri maka dengan itu saya katakan tadi sekali lagi tertakluk kepada peraturan. Hendaklah cakap yang betul, hendaklah tidak sekadar tuduh-menuduh kerana itu takut menimbulkan salah sangka ataupun menggunakan perkataan yang *unparliamentary* dengan izin, so saya rasa itu hendaklah dipatuhi.

Jadi pada masa itu sesi berjalan kerana ini persidangan Jawatankuasa Parlimen mereka yang memerhati tidak boleh bercakap. Hanya mereka yang telah dibenarkan bercakap boleh bercakap. Tidak boleh menyampuk dan hendaklah dalam keadaan suasana yang tidak mengganggu perjalanan Mesyuarat, okey. So, soal tepuk tangan begitu semua itu tidak timbul seperti mana dalam proses Parlimen. Walaupun di sebelah nanti tuan-tuan dan puan-puan memerhati kerana bilik ini kecil dan tidak memenuhi, semua mereka yang ingin mendengar saya berharap bahawa di bilik sebelah sana tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati saya melihat bahawa banyak yang minat untuk hendak belajar bagaimana Parlimen berfungsi, hendak juga melihat *spokesmen* mereka untuk memberi maklumat, saya berharap ada kerjasama juga di bilik sebelah di sana. Jadi begitulah yang saya ingin tekankan di sini.

Kami akan memberi seperti mana yang telah pun diutarakan. Setiap yang mana hadir di depan Mesyuarat ini hendaklah mendaftarkan diri di luar meja di situ dan jika dia hendak berbicara atas nama pertubuhan, pertubuhannya itu hendaklah pertubuhan yang berdaftar - kalau hendak cakap atas nama pertubuhan. Jikalau tidak terpaksa hendaklah berbicara atas nama sendiri peribadi. So tidak menghalang masuk tetapi hendaklah atas nama peribadi seperti mana yang kita telah tetapkan dan apabila telah kami katakan bahawa harus membawa satu catatan memorandum tidak kira panjang ataupun pendek, ada kertas untuk dibentangkan, dan seperti yang saya beri masa 10 ke 15 minit untuk membuat *summary* untuk penyampaian dan lebih *details* itu nanti bolehlah diberi kepada Jawatankuasa. Setiap dokumen diberi apabila kami perakui itu sebagai *submission*, dan ia menjadi *appendix* kepada laporan. Setiap dokumen yang diperakui menjadi *appendix*, lampiran kepada Laporan Jawatankuasa ini.

Setiap kata-kata adalah dimasukkan di dalam Penyata Mesyuarat iaitu dalam *Hansard* dan juga di *record* melalui video, so itulah saya katakan tadi bahawa peraturan-peraturan itu hendaklah dipatuhi.

Saya yakin berasaskan dari pengalaman kita pada tahun-tahun sebelum ini bahawa di pendengaran termasuk di Kota Kinabalu ini sentiasa Sesi Pendengaran Awam yang selesa dan teratur. So itulah saya pohon kepada semua yang mendengar, serta yang akan dipanggil nanti untuk hadir.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, mengikut catatan, ada kira-kira 12 yang telah pun memohon untuk didengar pada hari ini dan ada yang sudah datang, ada yang belum datang. Nanti susunan kami tetapkan sesuai dengan kehadiran yang telah pun menandatangani – ada juga yang telah memohon walaupun hari ini hendak didengar tetapi mahu pindah kepada hari esok, jadi pihak Sekretariat, Setia Usaha Parlimen, wakilnya pegawai akan nanti mengambil kira. Untuk tujuan itu jika ini kumpulan pertama Parti Maju Sabah diketuai oleh Presidennya, saya difahamkan Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee sudah tersedia, saya minta dijemput masuk.

[Saksi-saksi dari Parti Maju Sabah (SAPP) mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

9.49 pg.

Tuan Pengerusi: Ada kerusi empat sahaja di situ. So yang tidak dapat kerusi itu terpaksa mendengar di sebelah okey. Empat, lima?... Lima boleh duduk. Okey, yang lain itu tidak boleh termasuk mendengar di sebelah. Okey, kita hanya boleh benarkan cukup-cukup dengan kerusi ya. Di sebelah bilik di sana nanti boleh mendengar melalui *video conferencing*.

Tuan-tuan dan puan-puan yang berdiri terpaksa – ini kerana persidangan Parlimen yang berdiri kalau tidak ada kerusi saya mohon supaya menunggu di bilik sebelah di situ okey. So cari tempat duduk. Mana yang tidak ada tempat duduk dengan izin, *if see the final seat, that's its maximum unfortunately*. Di bilik sebelah ada *teleconferencing*, nanti minta untuk duduk di situ. Okey saya minta...

■1000

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [Presiden Parti Maju Sabah]: Tuan Pengerusi, boleh saya mohon supaya ahli-ahli ini juga dibenarkan dalam bilik ini.

Tuan Pengerusi: Itulah sempit di situ dan tidak ada...

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Saya punya pembentangan secara lisan tidak panjang, tidak lama. Secara bertulis sudah kasi Urus Setia...

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Jadi cara lisan ini tidak lama, jadi berdiri pun tidak apa.

Tuan Pengerusi: Ya, saya tahu juga Yang Berhormat tetapi kita mahu dalam keadaan teratur, tidak terlampau ramailah di sini. Jadi boleh namakan *officers* yang *you* hendak betul-betul *stay inside*, *otherwise* di sebelah sana *we have teleconferencing*, boleh dengar semua apa yang dikatakan.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Tuan Pengerusi, bukankah ini satu Sesi Pendengaran Awam?

Tuan Pengerusi: Ya, betul.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Jikalau Pendengaran Awam, semua orang layak masuk.

Tuan Pengerusi: Tertakluk kepada *facilities* yang ada.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Kami punya notis datang ke Bilik Kedah, bukan di Bilik Perlis.

Tuan Pengerusi: Ya memang, bilik ini...

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Tidak ada, di sini.

Tuan Pengerusi: Okey Yang Berhormat, saya hanya mahu supaya peraturan-peraturan itu... Okey, atas permohonan semua yang sudah masuk itu, saya boleh benarkanlah dan seperti mana saya sudah tentukan lebih awal tadi, ini adalah Pendengaran Awam di sesi Parlimen bersidang. So, apa yang dipanggil untuk berbicara ataupun memberi maklumat seperti mana yang duduk di depan sana nanti, saya minta ketua Yang Berbahagia Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee nanti untuk memperkenalkan kumpulan yang duduk di depan di situ. Mereka yang hadir walaupun berdiri di situ, saya mohon maaf kerana tempat yang sempit. Mereka ini sebagai pemerhati dan tidak boleh menyampuk apa-apa kerana persidangan ini adalah proses Parlimen.

Baiklah, dengan itu saya menjemput Yang Berhormat Datuk Yong Teck Lee. Saya beri masa 15 minit sebagai permulaan. Ada dokumen yang diserahkan. *This one, is it?* Okey, buat *summary* dan nanti Ahli-ahli Yang Berhormat boleh berinteraksi. Dijemput Yang Berhormat Datuk Yong Teck Lee.

10.02 pg.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu tahniah diucapkan kepada Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli yang lain kerana dilantik untuk jawatankuasa ini.

Kalau Tuan Pengerusi katakan ini sebagai satu *Public Hearing* ataupun Pendengaran Awam, bukankah tempat yang sesuai disediakan untuk orang awam?

Tuan Pengerusi: Pendengaran Awam adalah bagi yang memohon untuk didengar atau yang akan bercakap. Yang lain itu *just observer* sahaja. So, yang penting adalah mereka yang ingin mendaftar untuk didengar. Memang tidak semua boleh bercakap. Hanya mereka yang kita beri mandat sahaja yang boleh berucap tetapi saya sedar juga, perlu tempat yang selesa. Mohon maaf atas apa-apa kekuranganlah

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Memang ini Pendengaran Awam, pemerhati hanya mendengar, bukan dia orang mahu bercakap akan tetapi ini dengar pun susah, pasal tempat yang disediakan ini pun tidak cukup. Kalau SUHAKAM punya *Public Hearing*, ia di dewan masyarakat. Memang bukanlah dia orang mahu bercakap, cuma ada ramai orang juga mendengar.

Tuan Pengerusi: Saya faham juga itu...

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Saya mencadangkan Tuan Pengerusi, walaupun kita teruskan pada hari ini, saya pun mencadangkan supaya pendengaran yang akan datang ini dibuat di tempat yang lebih sesuai. Kalau SUHAKAM, dia orang bagus. Dia orang buat di dewan masyarakat. Cuma ada ruangnya, bukannya berucap tetapi untuk mendengar. Pendengaran Awam, kan dengar sahaja.

Tuan Pengerusi: Pendengaran Awam ini adalah sesi di mana Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Jawatankuasa ini mendengar apa hujahan dan apa yang ingin disampaikan oleh pihak yang ingin didengar. Perbezaannya dengan mesyuarat atau Pendengaran Awam pihak SUHAKAM ialah ini sesi Parlimen bersidang.

Jadi setiap kata-kata itu hendaklah dicatat dan itu perlu menggunakan *sound system recording* yang tepat. Itulah masalahnya, *because the Hansard has to produce word-by-word*. Itulah perlu – satu, keselamatan, dan keduanya, suasana untuk *recording*. So, saya saya mohon maaf atas apa-apa kekurangan. Akan tetapi untuk esok kita *review* balik.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Okey, saya teruskan Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Saya sudah ucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Di sini saya hanya ada beberapa perkara yang saya nak berikan secara lisan kerana secara bertulis sudah diberikan kepada Urus Setia.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Satu, mengenai rasuah ataupun *money politic* yang membeli undi, sama ada dengan wang tunai ataupun dalam bentuk benda, sewaktu pilihanraya.

Lebih menjimatkan masa kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil kira bahawa ini memang satu perkara yang wujud pada pilihanraya yang lalu terutamanya kalau pilihanraya kecil. Untuk menjimatkan masa, bolehkah Yang Berhormat bersetuju dengan cakap saya tadi itu? Kalau setuju, saya tidak payah cakap banyak-banyaklah.

Tuan Pengerusi: Datuk sedia maklumlah yang tujuan kami mendengar, dan kami mendengar tepat kepada terma rujukan kita iaitu mencari penambahbaikan sistem pilihanraya yang sedia ada. Tugasan itu kemudian dibahagikan kepada 5 iaitu:

- (i) perundangan;
- (ii) proses itu sendiri;
- (iii) daftar pemilih;
- (iv) institusi pengendali iaitu SPR; dan
- (v) sistem-sistem alternatif yang boleh kita fikirkan.

So dalam lingkungan itu, Datuk bebas untuk mengemukakan apa sahaja cadangan penambahbaikan.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Saya tidak membawa bukti secara gambar atau video yang kami pun sudah terdapat dalam *Youtube* dan lain-lain, kerana saya rasa pegawai-pegawai di sini pun tahu dan kami pun sudah melaporkan secara bertulis kepada MACC dan polis tentang kegiatan rasuah secara terbuka, 'siang-siang'. Misalnya, Tuan Pengerusi juga tahu yang secara langsung terlibat dalam kegiatan ini di Pilihanraya Kecil Batu Sapi...

Tuan Pengerusi: Eh...

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Ha, boleh cakap?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Boleh cakap, kami dengar sahaja.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Kalau dengar sahaja – Tuan Pengerusi, bukan kita tidak tahu. Cuma, kalau ada *Select Committee* ini yang kita di sini berikan maklumat, saya haraplah Ahli Yang Berhormat ambil serius...

Tuan Pengerusi: Tujuan kami dengar dan buat rumusan...

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Pasal ada satu Yang Berhormat ini cakap, "*Kau cakaplah, kami dengar*". Ini maksudnya masuk kanan, keluar kiri...

Tuan Pengerusi: Tidak juga Datuk.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Itu tidak ada gunanya pun.

Tuan Pengerusi: Bukan begitu Datuk.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Ahli Yang Berhormat mesti mahu tahu kenapa kita di sini... Mana satu?

Tuan Pengerusi: Datuk pernah menjadi Ahli Parlimen ya, so kita dengar dan selepas itu kita buat rumusan. Sila.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Okey. Institusi misalnya, yang berlaku di Batu Sapi. Pasal ini pilihanraya kecil, anggota polis, anggota MACC, pegawai skrutinerkah yang dilantik oleh SPR, semua ada di semua kampung. Apa yang berlaku? Dia orang bukan nak tangkap orang yang rasuah, dia orang mengiring dan menjaga, jadi *bodyguard* kepada orang yang memberikan wang rasuah waktu pilihanraya. Ini berlaku, di mana satu kampung, di mana satu lorong tidak ada pegawai kerajaan, sama ada MACC kah, polis kah, SPR kah, mengiringi orang UMNO, mengiringi orang BN pergi menghantar wang, pergi rumah-rumah.

Tuan Pengerusi, kalau ini tidak diselesaikan, apa kita cakap pasal institusi – *the institution* dengan izin, *is served to protect the corrupted one* waktu pilihanraya. Kalau dahulu orang dengar *money politic* ini, tengah malam dia datang rumah dia kasi RM50 dalam itu kotak mancislah. Kalau di Batu Sapi, ia dalam kereta sorong, siang-siang. Daftar pengundi di atas kereta sorong, di dalam sana ada *Canon printer*, ada beras, ada makanan, Maggie mee pun ada banyak. Dalam kereta sorong lalu depan-depan itu pegawai. Tuan Pengerusi pun tahulah. *You* Pengarah Operasi sana, bukan?...

Tuan Pengerusi: Saya tidak ada nampak semua itu... [*Ketawa*] Kawasan Batu Sapi besar bah, mana boleh tahu itu semua.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Kalau Tuan Pengerusi tidak nampak, sama ada Tuan Pengerusi buta ataupun bohong...

Tuan Pengerusi: Tidak ada lah.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Semua orang nampak, YB tidak nampak.

Tuan Pengerusi: Kawasan besar bah. Okey, terus pada cadangan bagaimana nak mengatasi semuanya ini. Ini yang penting.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Ini mulai daripada jabatan-jabatan dan institusi kerajaan. Ini mulai daripada Parlimen sendiri. Ini mulai daripada pihak SPRM dan juga SPR sendiri. Kalaulah ada kena tangkap, berapa kes? Ini ahli politik tidak berani. Akan tetapi kalau dia diiring oleh pihak polis, CID kah, *Special Branch* kah, depan-depan itu orang menjadi saksi, tapi tidak ada tindakan diambil. Jadi ini sudah jadi satu *endorsement*, menjadi satu budaya, *a way of life*. Kalau itu berlaku di pilihanraya, kemudian sudah menjadi kerajaan, semua pun dia gasak juga. Budaya politik yang rasuah itu dibawa dalam pentadbiran kerajaan. Itu tentang rasuahlah.

Kedua, tentang undi pos. Biasanya undi pos hanya untuk pegawai-pegawai yang bertugas tetapi apa yang berlaku, kita lihat misalnya tentera dan polis, sekarang sudah dengar PGA dan lain-lain apa itu..., RELA pun kena masuk.

Orang-orang yang tidak seharusnya mengundi pos, pun diberikan mengundi pos. Misalnya anggota tentera atau polis yang bukan lagi di kawasan itu. Lagipun, pengundian pos itu tidak disaksikan oleh parti-parti yang bertanding di kawasan itu. Tidak ada diberikan peluang untuk menyaksikan pengundian pos.

Ketiga, tentang ini daftar pengundi. Saya ringkaskan sahajalah Yang Berhormat. Kalau di Sabah ini, sudah terlalu lama. Kalau di Sabah ini, pengundi hantu dinamakan. Itu pengundi bukan hantu, itu orang juga hantu. Dia pandai undi itu tapi satu orang boleh undi beberapa kali.

Kemudian dia punya kelayakan sebagai pengundi kerana dia bukan warganegara yang sah, memang dia dinamakan sebagai 'pengundi hantu' kalau di Sabah. Tidak payah lihat mana-mana jauhlah. Kalau lihat sahaja itu *Likas Election Petition 1999*, tengoklah itu *judgment by the Election Court*, semua ada sana. SPR punya masalah tapi calon yang menang kena *disqualified*, termasuk saya sendirilah. *I speak from my own personal experiences.*

Kami dahulu ada bangkitkan masalah pengundi hantu ini, SPR bilang ini *coffee shop talk*. Dahulu masa masih Setiausaha SPR lah, dia bilang ini cuma, "*Coffee shop talk.*" Di Sabah ini dia bilang. Hujung-hujung jadi juga. Oleh kerana SPR gagal mengesyorkan daftar pengundi ini bersih dan sah, maka apabila dibawa ke mahkamah, itu pilihanraya didapati tidak sah. Kena buat pilihanraya kecil balik. Yang Berhormat memang tahu inilah. Saya rasa Ahli Yang Berhormat kalau dari tahu 1999, memang sedar inilah, bukan? Tidak payah saya ulanglah, ada dalam *contents* itu. Kalau itu, dua jam pun tidak habis itu.

Ketiga ini...

Tuan Pengerusi: Datuk, dalam perkara daftar pemilih, apa langkah-langkah yang boleh kita buat atau pihak SPR buat untuk membersihkan itu, *what are your suggestion, how to clean up those issues for Sabah?*

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: *Royal Commission of Inquiry* tentang ini masalah IC-IC palsu. Sama ada cukup masa atau tidak, tengoklah itu bila pilihanraya umum. Secara jujur dan ikhlas Yang Berhormat, telitilah itu senarai daftar pengundi itu. SPR tahu itu. JPN pun tahu itu. Ini kerana pegawai waktu itu di tempat mengundi, dia bilang kalau *you* datang kasi MyKad, kalau MyKad sah, sahlah. Mana ada dia di sana telefon lagi JPN. Bila lagi, *on the election day*, mana boleh lagi, akan huru-hara lah situ. Jadi itu daftar pengundi mesti mahu bersih.

■1015

Last daripada saya ini ialah pasal *indelible ink*. Kalau ini boleh dilaksanakan di Sabah, daripada 60 kawasan DUN, Barisan Nasional kalah 20. Kalau ini dibuat, Barisan Nasional kalah, 20 kawasan...

Tuan Pengerusi: Itu *speculation* sahajalah, bukan?

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Itu bukan *speculation*, itu *calculation*... [Ketawa] Akan tetapi saya nak tanyalah Tuan Pengerusi, tidak ada niat jahatlah. Tuan Pengerusi sebagai Menteri Sains, ini *indelible ink* ini, dakwat kekal ini, ada orang tanya, dia bilang kalau BN ini dulu *last minute* dia *cancel* – konon ada cara haram import dari India, kemudian didapati tidak pula, *no such thing* – sekarang orang tanya, kalau Kerajaan BN ini sekarang gunakan ini lagi dakwat kekal, sama ada ini ada lain punya *liquid* boleh cuci itu ink? Yang hanya digunakan UMNO lah. Jadi saya nak pengesahan daripada Menteri Sains, sama ada dakwat yang digunakan itu tidak boleh dicuci? Untuk beberapa harilah. Janganlah pula pukul 8 dia undi, pukul 9 dia cuci, lepas itu dia undi balik.

Tuan Pengerusi: Datuk, pihak jawatankuasa akan meneliti semuanya ini sebelum buat resolusi ini dan kita pastikan bahawa kita *the best science test* akan bawa untuk memastikan ia selamat dan *transparent* untuk semua.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Kalau Yang Berhormat Menteri Sains juga *ia a very suitable authority on this point*, sama ada *indelible ink* yang digunakan itu betul-betul *indelible* lah untuk beberapa hari. Janganlah yang dia boleh cuci punya. Akan tetapi itu bukan cuci guna air biasalah, tapi guna *antidote*. Itu orang tanya itu, Tuan Pengerusi. Minta maaf ya. Dia kata, “*Eh, kenapa ini BN tiba-tiba dia pakai ink ini?*” Memang belakang dia ada main juga. Dia sahaja ada itu *chemical*, boleh cuci itu, dia bilang. Saya mahu tanya Menteri Sains lah.

Tuan Pengerusi: Pihak jawatankuasa ini merangkumi ahli-ahli dari segi kerajaan dan bukan kerajaan, kita akan telitikan semua inilah Yang Berhormat. Saya beri jaminan kita akan guna *scientific test* yang terbaik kita perolehi untuk kita selesaikan sebelum kita membuat rekomendasi.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Yang tidak boleh dicuci, ya. Yang Berhormat bagi jaminan...

Tuan Pengerusi: Kita gunakan teknologi untuk memberi pandangan yang sebaik-baiknya.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Teknologi yang terbaik untuk cuci itu *ink* kah ataupun teknologi yang baik supaya *ink* itu tidak boleh dicuci?...

Tuan Pengerusi: Kita gunakan *best practises* yang digunakan di negara lain.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Ini punya jawapan Yang Berhormat, saya bimbanglah. *It might not here, nor there* punya itu.

Tuan Pengerusi: *We are in the process of* mempertimbangkan itu. *We will not comment unless we ourselves sure on both side* bahawa *it is scientifically proved*.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: *Indelible ink* ada banyak jenis. Saya rasa kalau ada *indelible ink* ada dibuat, *at least* pengundi hantu dia mengundi satu kalilah, tidak boleh dua kali atau lima kali. Kalaupun ada itu orang yang pengundi hantu ataupun pengundi yang sah – dia mungkin dalam poket dia ada lima IC, gambar dia tapi nama lain, bukan? Jadi kalau pakai *ink*, dia tipu satu kalilah. Kalau tidak pakai *ink*, dia boleh tipu banyak kali. Betul, bukan? *That's why we have the ink*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Katakanlah SPR telah memutuskan untuk menggunakan *indelible ink*, *so now you having doubt about indelible ink* pula, macam mana ini?

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Saya memberikan *feedback* kepada *Panel* ini bahawa ada orang tanya. Tahun 2008, tiba-tiba – walaupun dipersetujui SPR, tetapi pihak polis dan pihak Peguam Negara membatalkan ini *indelible ink* atas alasan sekuriti. Sebenarnya dalam *press conference* itu, SPR tidak hadir..., SPR ada sini kah?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ada, ada.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Sebenarnya SPR tidak hadir itu *press conference on the* membatalkan itu *indelible ink*. Nampaknya itu SPR masih kekal dengan pendirian gunakan *indelible ink*. Bermakna adalah orang *speculate*...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Untuk pengetahuan Datuk, ketika itu cadangan SPR menggunakan *indelible ink* dengan opsyen. Bermakna jika seseorang pengundi itu enggan untuk jarinya ditanda dengan *indelible ink* itu, dia akan diberi pilihan untuk tidak ditanda asalkan dia sign borang. *Now, the* cadangan sekarang ini ialah untuk *no option*. Kalau kamu tidak mahu jari kamu ditanda dengan *indelible ink*, *you cannot vote. At that time, that is the option. Can you imagine* Datuk? Masa itulah. Kalau ia ada opsyen, kebanyakan orang akan buat opsyen. Saya tak nak jari saya dipalit, saya nak isi borang. *So there will be queue. So, you see the purpose having indelible ink at that time?*

Tuan Pengerusi: Itu latar belakangnyalah.

Dr. Mohd Hatta Md. Ramli: Tuan Pengerusi, saya sedikit sahaja. Saya rasa latar belakang itu tidak tepat.

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Bagus juga Tuan Pengerusi.

Dr. Mohd Hatta Md. Ramli: Minta maaf Datuk Yong.

Saya rasa apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Kangar tadi berbeza dengan kita di *public* yang mendengar masalah yang disebut oleh Datuk Yong tadi bahawa masalah keselamatan, bukan masalah *legal*, tidak *legal*. Ini masalah keselamatan. Saya rasa saya setuju dengan Datuk Yong. Itu yang diumumkan di dalam *press conference*. Yang ini kita tahu dalam mesyuarat kita sahaja. Akan tetapi yang menjadi pengetahuan umum, dikatakan ada pihak-pihak yang membawa masuk dakwat, masalah keselamatan. Saya rasa kita kena dengar itu.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya, ya, memang itu. Akan tetapi, untuk pengetahuan bahawa dia keluarkan kenyataan dan dalam kenyataan itu dia sebut bahawa jika seseorang itu enggan untuk jarinya ditanda dengan *indelible ink*, dia akan diberi pilihan. Akan tetapi keputusan kemudiannya itu jadi lain yang Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi: Okey, kita dengar dahulu. Ada lagi lima minit Datuk Yong, sebelum kita...

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Ha, cukup. Cuma, saya cakap tadi itu, latar belakanglah. Latar belakangnya pada tahun 2008, di mana pembatalan *indelible ink* itu *last minute* dengan alasan keselamatan. Jadi kalau sekarang diguna balik ini, orang mula tanyalah. Sama ada *in the last few years*, pihak berkuasa sudah dapat satu *antidote* ataupun satu bahan atau *chemical* yang boleh cuci? Baru dia berani pakai itu *indelible ink*. Pasal kalau dia pakai *indelible ink* ini, tipu-tipu ini tidak ada lagi. Maka Barisan Nasional akan kalah banyak kawasan.

Tuan Pengerusi, *why we are here is because they are doubted*. Kenapa kita semua di sini? Kerana ada orang ragu-ragu proses pemilihan ini ada tipu. Sebab itu kita ada disini. Kalau tidak, apa kita mahu ada di sini? Datang pun jauh, *parking* pun susah, tunggu lama lagi di luar. *Why we are here is because we are in serious doubted*.

Tuan Pengerusi: *That is why we have this Public Hearing* lah, *so any other matters?* Okey Datuk, saya benarkan mungkin satu, dua orang lagi daripada SAPP.

Dr. Frankie Chong [Naib Presiden Sabah Progressive Party, SAPP]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Sebelum itu, saya akan pastikan Datuk Yong Teck Lee bahawa *we as Members of this Committee, will personally test those ink* nanti. *Do not worry*. Okey, sila.

10.24 pg.

Dr. Frankie Chong: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin menambah beberapa perkara yang telah tersenarai dalam pembentangan kita secara rasmi...

Tuan Pengerusi: *I think* Yang Berhormat perkenalkan diri walaupun kita tahu, dan kalau boleh bawa perkara baru yang belum disentuh oleh Datuk Yong tadi.

Dr. Frankie Chong: Saya Datuk Dr. Frankie Chong, Naib Presiden SAPP. Perkara yang saya ingin bawa ialah *cooling period* yang diberikan tiga hari selepas penamaan calon.

Tuan Pengerusi: Itu baru cadangan, tapi kita sedia untuk mendengar pandangan awam lah.

Dr. Frankie Chong: Ini memang sudah ada, Tuan Pengerusi. *Cooling period* ini memang sudah berjalan...

Tuan Pengerusi: Tiga hari masanya. Kita kempen mahu sampai satu malam sebelum.

Dr. Frankie Chong: Ya, jadi kita cadangkan supaya ini tidak adakan...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Tuan Pengerusi, saya rasa yang Datuk *mentioned cooling period* itu ialah selepas penamaan, tiga hari itu boleh tarik balik, bukan *cooling-off period*.

Dr. Frankie Chong: *Cooling period to...*

Tuan Pengerusi: *Cooling period* selepas...

Dr. Frankie Chong: Sama ada mahu tarik atau tidak.

Tuan Pengerusi: Ya, *I see, I see...*

Dr. Frankie Chong: Itu yang kita ragu-ragu oleh kerana ini membuka ruang untuk orang-orang...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Datuk, sekarang telah dipinda. *There are no more* tiga hari...

Tuan Pengerusi: Itu yang dicadangkan sekarang.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dipinda sekarang ini. *No more three days*, sekarang ini 24 jam. You takkan dibatalkanlah...

Dr. Frankie Chong: Itu pun tidak sihat oleh kerana ini membuka ruang untuk calon-calon yang tidak *genuine* untuk mungkin menjual diri. Ini membuka ruangnya. Ini *happen* di tempat kita.

Satu lagi ialah tadi mengenai undi pos yang telah dibangkitkan tetapi undi pos ini selalunya – memang pembuangan undi pos didahulukan tetapi bila pengiraan undi, undi pos ini pula dibelakangkan. Jadi kita mahu supaya bila hari pengundian itu selesai, semua peti undi dibawa ke pusat perkumpulan undi. Jadi semua undi pos ini dikira dahulu, bukan dibelakangkan. Ini menjadi pertikaian. Orang bilang kau tidak cukup undi, baru kau angkat kotak undi yang mencukupi. Ini keraguan orang ramailah. Jadi kita mahu supaya pengiraan undi itu didahulukan undi pos.

Tuan Pengerusi: Ya, *next*.

Dr. Frankie Chong: Senarai daftar pemilih tadi kita minta bersih oleh kerana Yang Berhormat sendiri pun sedia maklum bahawa kalau di Sabah ini bila pilihanraya, berbas-bas orang baru yang datang ke pusat pengundian. Ini berlaku daripada pengalaman saya sendiri. Saya sebagai Pengerusi Barisan Nasional selama 10 tahun di Tenom. Pada tahun 1999, calon kita Barisan Nasional dari pihak UMNO, menghantar empat buah bas besar ke Tenom. Saya sebagai Pengerusi Barisan Nasional pada ketika itu, saya menolak, saya suruh hantar balik ini empat bas, oleh kerana kita tahu ini adalah tidak sihat, tidak betul cara pilihanraya kita, maka kita minta supaya ini diperhatikan dan dibersihkan senarai daftar pemilih, dan seperti kita kata tadi, RCI perlu diwujudkan.

Jadi saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi, daripada saya. Terima kasih

Tuan Pengerusi: Okey, Datuk Yong Teck Lee, terima kasih kerana hadir bersama. Saya sedia maklum ada memorandum disini, banyak tajuk lagi, tetapi kerana masa tidak mengizinkan untuk semua mengulasnya, mana yang penting kita perakui adalah input-input yang begitu bermakna sekalilah bagi kita. Apa-apa lagi input untuk tambahan, kita berfungsi sampai April *I think*, kita masih terbuka untuk menerima apa-apa melalui memorandum dan e-mel dan seterusnya. Okey, terima kasih.

Dr. Mohd Hatta Md. Ramli: Tuan Pengerusi, saya nak tanya Datuk Yong satu soalan. Datuk Yong ada menyebut mengenai undi hantu yang menjadi isi *judgment* di *petition* 1999 ya. *Subsequently*, tahun 2001 Parlimen meluluskan undang-undang bahawa daftar pemilih induk, *the main list* ini, tidak boleh dicabar di mana-mana mahkamah. Jadi adakah Datuk Yong mencadangkan supaya undang-undang ini dipinda balik supaya dibenarkan pada bila-bila masa kalau terdapat keraguan yang jelas, kita boleh cabar daftar pemilih supaya boleh kita masuk dalam cadangan?

Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa kalau daftar pemilih itu patut boleh dicabar, walaupun sebelum pilihanraya walaupun didapati ada nama-nama yang diragui, boleh dicabar seharusnya walaupun sebelum pilihanraya, bukan selepas kerajaan dibentuk. Saya setuju kalau ada cadangan supaya daftar pengundi itu boleh dicabar di mahkamah.

▪ 1030

Tuan Pengerusi: SPR memang selalu mengatakan bahawa mereka ini *continuously revising according to the provision*. Cuma, biasanya masa pilihanraya itu dia akan mengesahkan mana satu *rule* yang akan digunakan. *Rule* itu digunakan untuk pilihanraya, itulah tertumpu soal membawa ke mahkamah. Akan tetapi *I think, the point is how we can best revise the role continuously*.

We are willing to hear many-many goods suggestion more on this. Okey Datuk Yong Teck Lee, terima kasih banyak kepada kumpulan SAPP. *Thank you.*

Bagi kepada pihak awam yang diminta untuk memberi tempat kepada mereka yang seterusnya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat kita teruskan. Saya ingin menjemput daripada Parti Keadilan Rakyat wakilnya bagi negeri Sabah dua orang. Satu ialah Encik Taufick Ruschi dan Dr. Chong Eng Leong dipersilakan untuk mengambil tempat.

[Saksi-saksi dari Parti Keadilan Rakyat mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Okey, baiklah kepada Dr. Chong Eng Leong *and* Encik Taufick Ruschi. Selamat datang dan terima kasih kerana telah meminta untuk hadir kepada Jawatankuasa ini. Saya rasa khususnya Dr. Chong Eng Leong bukan orang baru, pernah hadir sebelum ini dalam beberapa Sesi Pendengaran Awam. *You know the rules; I give you starting 10 minit wisely.* Kita minat dengan penambahbaikan, *how to solve these kind of problems yang having risen, or you gain to rise.* Dipersilakan dengan izin perkenalkan kumpulan lain bersama. *Thank you.*

10.33 pg.

Encik Taufick bin Haji Ruschi [Parti Keadilan Rakyat]: *Bismillahi Rahmaani Raahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Alhamdulillah* hari ini kita dapat berjumpa di dalam satu Sesi Pendengaran Awam untuk penambahbaikan sistem pilihan raya kita yang telah digubal sejak tahun 1998 lagi.

Saya Taufick bin Haji Ruschi mewakili Parti Keadilan Rakyat negeri Sabah membentangkan beberapa perkara untuk kita ambil sebagai satu perhatian ke arah menambah baik suasana pilihan raya kita di masa akan datang. Ini adalah sejajar dengan akta yang digubal begitu lama. Saya lahir pada tahun 1978 sementara akta ini pula digubal 1958.

Dalam suasana ini, kita Parti Keadilan Rakyat mempunyai dua wakil. Dengan izin saya memohon kebenaran supaya membenarkan kedua-dua kami untuk membentangkan *presentation* kami ke arah penambahbaikan pilihan raya kita.

Tuan Pengerusi: Okey mulakan 10 minit dahulu nanti saya beri masa tambahan kepada pembentang kedua.

Encik Taufick bin Hj. Ruschi: Pertama ialah mengenai dengan Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 - penamaan.

Disebut tadi oleh SAPP di mana dalam akta ini dalam undang-undang Malaysia ini yang telah digubal iaitu dalam peraturan-peraturan perkara 9(1) dan (2).

Selepas pilihan raya itu kita menamakan calon, saya bersetuju dengan pendapat SAPP tadi di mana peluang untuk diberi tempoh tiga hari itu. Ini sebenarnya menggalakkan calon-calon yang tidak berpotensi minta dibeli. Ini kebanyakan di Beaufort berlaku. Di Beaufort berlaku di dalam tempoh tiga hari mereka telah dengan tidak memikirkan diri mereka, moral mereka, menjual, dan apabila menjual, calon-calon ini menarik diri mengakibatkan calon Barisan Nasional menang tanpa bertanding. Ini diambil perhatian.

Jadi saya rasa kecewalah SPR, SPRM tidak mengambil apa-apa tindakan, kenapa mereka boleh begitu? Sepatutnya ini di SPRM bekerjasama dengan SPR untuk ambil iktibar ini tangkap mereka. Jikalau pembangkang buat begitu kena tangkap tetapi Barisan Nasional punya calon kalau dia sogok 'Si Polan bin Si Polan' wah! Tidak pula kena tangkap.

Jadi kita minta supaya masa bertenang tiga hari itu dihapuskan. Kita wujudkan kembali selepas penamaan calon kita terus berkempen, begitu. Kemudian undang-undang Malaysia, Akta 19, Akta Pilihan Raya 1958 - Perjalanan iaitu mengenai dengan sistem mengundi kita, kertas-kertas undi diedarkan itu saya sangat bersetuju supaya SPR atau Kerajaan Malaysia pada hari ini menguatkuasakan serta-merta penggunaan dakwat.

Dakwat itu tadi kalau boleh, seperti kata Datuk Yong Teck Lee tadi, jangan ada yang dua jam, tiga jam boleh dihapuskan. Macam-macam boleh jadi. Kad pengenalan pun boleh dibuat yang muka orang di *scan* betul-betul macam yang *original*, apatah lagi ini dakwat yang boleh dipadam-padam.

Kemudian yang ketiga adalah pengundi pos. Pengundi pos ini sangat menjahanamkan kepada parti-parti lawan, kerana Barisan Nasional, kerajaan, mengeksploitasikan soal-soal ini. Tentera-tentera yang baru berpindah didaftarkan mengundi di lain-lain tempat. Di Lok Kawi misal kata. Inilah yang bikin PBS kalah pada tahun – sebelum PBS menyertai Barisan. Kami dulu sama-sama. Saudara Tuan Pengerusi adalah Setiausaha Agung pada ketika itu. Saya sebagai Pengarah Gerakan Pilihanraya. Kami kalah kerana apa? Kerana pengundi-pengundi pos, polis, tentera, dia orang pindah ini hari, esok didaftarkan sebagai pengundi pos. Mengundi di Lok Kawi, Putatan, Papar dan sebagainya. Kalah PBS. Ingat Tuan Pengerusi? Itu pengalamanlah. Kita *share* lah kan.

Itu oleh kerana setiap parti politik yang bertanding – semua parti politik pembangkang yang bertanding tidak tahu jumlah undi, bagaimana sistem itu didaftarkan. Yang hanya tahu ialah kerajaan, sebab Menteri Pertahanannya adalah Naib Presiden UMNO. Dia boleh agih-agih ini semua. Ini adalah kekuathiran kami.

Jadi ini diharap dapat diambil perhatian kerana undi pos inilah sangat membahayakan selain daripada PTI-PTI yang ada di Sabah.

Ingat lagi semasa Tuan Pengerusi menjadi Setiausaha Agung PBS, kami berdepan dengan berpuluh-puluh bas di seluruh kawasan, dibagi. Di Beaufort nasib baik – pun ada terjadi sampai berpukul di Kuala Penyu. Pasal inilah, bas. Saya di pusat mengundi Kota Kelias, sama juga mengalami itu. Nasib baik saya kenal muka PTI-PTI ini. Saya angkat tangan dia, saya bilang, “*Tuan-tuan kenalkah ini orang?*” Tidak ada orang kenal sama dia. Inilah undi hantu. Dia orang lari terus.

Kemudian lepas itu yang keempat, iaitu perbuatan rasuah. Larangan *money* belanja tertentu semasa tempoh berkempen. Di dalam pecahan 15(a)(i), tentang cara Barisan Nasional membelanjakan semasa kempen pilihanraya. Mereka dengan sewenang-wenangnya menggunakan wang berjuta-juta ringgit. Padahal di dalam kawasan pilihanraya Parlimen, perbelanjaan pilihanraya adalah RM200 ribu, sementara Dewan Undangan Negeri pula hanya RM100 ribu. Ini sudah menyalahi akta ini. Saya pun tidak tahu macam mana akta ini tidak dikuatkuasakan oleh pihak berwajib.

Kemudian selepas itu pula, apabila sesebuah kerajaan – saya mintalah mencadangkan, ini penambahbaikan, bukan? Kita cadangkan yang terbaik. Kalau boleh, *fair and square* dengan izin. Natural. Betul-betul kita berpolitik secara demokrasi. Apabila Barisan Nasional sudah membubarkan Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri, mereka masih mempunyai kuasa 60 hari. Dalam masa tersebut, mereka masih lagi Menteri, dan masih boleh lagi menggunakan kuasa untuk meluluskan peruntukan-peruntukan berbagai-bagai projek. Adakah ini tidak bertentangan dengan akta yang digubal pada tahun 1958 itu?

Jadi oleh kerana akta ini digubal pada tahun 1958 dan beberapa akta telah dihapuskan, dan semalam juga Perdana Menteri kita sudah menghapuskan satu akta lagi, Akta Darurat itu, jadi kita mencadangkan perkara-perkara ini diambil perhatian yang serius.

Akhir sekali, saya mencadangkan kepada jawatankuasa ini supaya pada pilihanraya yang akan datang, kempen pilihanraya kita dilihat dengan telus dan berdemokrasi seperti di negara India. Saya mencadangkan supaya pilihanraya yang akan datang kita buka kepada semua parti politik untuk boleh mengadakan rapat-rapat umum seperti USNO dan Berjaya berlawan pada tahun 1976. Kita minta supaya diadakan kempen secara terbuka, rapat umum, *rally*. Apa mahu takut? Akta Darurat sudah dihapuskan. Kalau itu boleh dihapuskan, kenapa ini tidak dibenarkan?

Tuan Pengerusi: Akan tetapi saudara Taufick, sekarang pun boleh buat itu juga, tetapi dengan permit polislah.

Encik Taufick bin Haji Ruschi: Itulah saya cadangkan supaya SPR memberi satu arahan kepada pihak polis supaya jangan membuat satu undang-undang yang terlalu ketat.

Tidak ada sudah huru-hara. Tidak ada sudah keadaan seperti darurat yang boleh ditakuti, tidak ada. *No, don't worry. So* kita meminta supaya pihak polis jangan terlalu banyak *hanky panky*, banyak birokrasinya. Kita di parti-parti politik minta supaya memberikan jaminan bahawa tidak ada kekacauan. Itu yang penting.

Jadi sehubungan dengan itu, hanya itulah sahaja yang dapat saya sarankan di mana pilihanraya dan pelbagai akta ini saya harap disemak. Sebelum saya berakhir, saya memohon supaya rakan saya, Dr. Chong Eng Leong, akan membuat satu *presentation* mengenai dengan kes yang dibawa itu iaitu mengenai dengan daftar pemilih bagi pihak Parti Keadilan Rakyat negeri Sabah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Seterusnya saya jemput saudara Dr. Chong Eng Leong untuk bercakap selama 10 minit sebagai permulaan.

10.43 pg.

Dr. Chong Eng Leong: Selama 15 minit tidak bolehkah, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: *You* gunakan 10 minit dahulu. Nanti baru kita tambah.

Dr. Chong Eng Leong: Sebelum saya mula, tadi Datuk Yong bilang dia gagal sebagai YB kerana pengundi hantu. Mungkin kamu orang tidak faham apa itu *Election Petition 1999* ialah *consolidated* dua petisyen dalam satu. Saya duduk dan Datuk Aris pun duduk. Datuk Yong tidak dapat jadi YB bukan kerana pengundi hantu. Kalau pengundi hantu dibuktikan di mahkamah, bukan salah dia. Dia tidak dapat jadi Yang Berhormat kerana itu Datuk Arid punya petisyen cakap dia punya iklan-iklan tidak ada dia punya *address* sama nama, itu salah apa? Dia bukan *victim of the* pengundi hantu. *You understand that*, bukan?

Tuan Pengerusi: Ya, betul, betul.

Dr. Chong Eng Leong: Dia bukan *victim of the* pengundi hantu. *Okay, thank you Mr. Chairman for allowing me..., I can use English like this?*

Tuan Pengerusi: Yes, yes, dengan izin, yes.

Dr. Chong Eng Leong: *For allowing me on behalf of the party. My specific area is on electoral roll.*

■1045

Mr. Chairman, Ahli-ahli Yang Berhormat, Sabah is in serious situation kerana ini ada *nonqualified name*, pengundi hantu, *phantom voters* di Sabah *electoral roll*. Kalau kita tidak jaga baik-baik, kita habis Sabah. Tiada Sabah, tiada Malaysia. Itulah dari dahulu PBS sampai sekarang, saya sentuh ini kes kerana kita mahu beri selesaikan ini. Kalau tidak ada Sabah, mana ada Malaysia. Ini pengundi hantu punya hal, *it is getting more familiar after the Election Petition 1999.*

Kalau tanya *everybody, you ask them, anybody, family kah, restaurant owner, plantation owner, if they have employed foreigners before and now they are citizen and they are now bumiputera and they are now in the daftar pemilih, semua sama pengalaman. Mereka mesti sudah menjadi bumiputera Sabah sekarang, why? Because dia dapat kita punya IC through the back door. Ini judgment Election Petition tahu tetapi, Election Commission tahu tetapi mereka tidak mahu mendengar. Mereka punya nama-nama itu masih ada lagi sampai sekarang ini. Dahulu dalam Select Committee on Integrity, saya pun ada mengambil bahagian. Tan Sri Bernand Dompok, Chairmannya, dia letakkan jawatan kerana NRD tidak bekerjasama dengan dia. So, who...*

Tuan Pengerusi: *Dr. Chong, are you saying that the IC numbers used in that court case are still in the...*

Dr. Chong Eng Leong: *Yes. Yes. I can prove it to you.*

Tuan Pengerusi: *...Still in the daftar pemilih?*

Dr. Chong Eng Leong: *Yes. Now they have give us the new IC numbers, but if you look in the database, the CD form, the old IC numbers are still there. What I could find, based on the old IC numbers – you know that Tuan Pengerusi. Kita dahulu di PBS buat begitu apa, kah?... [Ketawa].*

Tuan Pengerusi: *We still do that.*

Dr. Chong Eng Leong: *Ya, I see.*

Tuan Pengerusi: *That is why we are here.*

Dr. Chong Eng Leong: *Ya. I hope we all is for the sake of our country, bukan? Datuk Radin Malleh pernah bertanya di Parlimen pada tahun 1995, itu old IC numbers yang sudah assigned to the foreigners. They ask all these numbers and the Parliament couldn't answer, they cannot answer because it is secret matter, dia bilang. So, Datuk Radin Malleh is very vocal, very vicious about this, ini orang dapat IC kita melalui pintu belakang. Mereka angkat sumpah sijil akuan, bilang lahir di Sabah, sudah dapat IC. So, I analyse all these numbers – I have the analysis and I got my memorandum already given to all of you, because of this Election Petition 1999, SPR terus expunged about 80,000 names in the 1999 punya rolls. We used 1998 for the 1999 election. In 1999, they expunged 80,000 names. So they said, all the hantu hilang tetapi saya buat kajian, mana ada hilang, dia buang 20,000 sahaja. Kami nampak 80,000, kemudian dia buang 80,000 tetapi saya pergi check hanya 20,000 yang diragui punya IC. And then two years later, 6,400 dia orang kasi masuk balik lagi. Semua di dalam saya punya memorandum inilah. Kamu yang Ahli Jawatankuasa dan pegawai-pegawai, please refer to it lah.*

So, could I find all the IC numbers yang assigned to the pengundi hantu? Saya tidak dapat cari. Habis, saya punya analisis is based on old IC's number sahaja. Kalau mereka tidak ada old IC numbers, saya tidak dapat check. Kalau mereka gunakan yang old IC numbers yang bukan dalam senarai saya, saya pun tak dapat check. Akan tetapi, tahun 1999, electoral roll ada 700,000 voters. On 1998 electoral rolls used for 1999 elections, ada 700,000 names in the rolls. A year later they expunged 80,000 names which mean more than 10% of 1998 rolls used for 1999 election; more than 10% of the names are nonqualified. How can you say it is a fair election in 1999?

Now, electoral rolls yang terkini di Sabah ada 860,000. Saya dapat tangkap 70,000 sahaja yang, under my analysis tetapi indirectly, saya bagi tahu ada 200,000 out of this 860,000 ialah orang yang bukan layak menjadi pengundi kita. How do I know that? Population of Sabah in 1951 is 334,000. That is in 1951. In 1960, population of Sabah was 454,000. So, increase of 120,000 populations in these nine years. Akan tetapi, if we check the electoral rolls in Sabah, those IC number yang baru, starting year lahir bukan kah, year 1952 to year 1960 punya nama on the electoral rolls, ada 150,000. If population increase 120,000, bukan semua masih hidup ini sekarang. Kenapa electoral in Sabah only 75% registered as voters lah, maximum is 80%.

Taruklah 80% registered as voters, 120,000 – the most is 100,000. Tidak kira orang mati, tidak kira orang pergi lain tempat. Akan tetapi kenapa ini sekarang ada 150,000? I check one-by-one of this 150,000 names, only few thousand are not coded '12' of new IC number not coded '12' only a few thousand. IC baru coded '12' ialah Malaysian born in Sabah. Itu 120,000 population increase, bukan semua born in Sabah. Tidak apalah, cakaplah semua born in Sabah. Still, on the electoral rolls, there should less than 120,000 born in Sabah. Kenapa ada 150,000 born in Sabah? That is why when I check that extra 54,000...[Disampuk] Saya check semualah. Saya check semua ini pengundi 150,000, only 23,000 ialah under the old IC number yang I analyst yang so-called, "Project IC" only 23,000. Jadi itu extra 54,000 new Sabah born citizen, kalau kita tolak itu yang "Project IC" yang saya tahu 23,000, ada lagi 27,000 yang sata tidak dapat tangkap.

Therefore, kita punya electoral now 860,000, mereka ada 200,000 kah, how I know? Because, Sabah population's today is 2.354 million yang kononnya all Malaysian, tidak kira orang asing. Orang asing dekat satu juta sudah ini sekarang yang ada dokumen, ada pas punya. Kita cakap sahaja Malaysian citizen in Sabah now 2.354 million tetapi before Malaysia, Sabah population always two-third of Sarawak population. Akan tetapi now, it is another way round. Sarawak population now is two-third of Sabah.

Tuan Pengerusi: Bukan kerana mereka kuat buat anak?

Dr. Chong Eng Leong: *If you look my memorandum Tuan Pengerusi..., ini bukan joking.*

Tuan Pengerusi: *No, no. I'm just provoking you...*

Dr. Chong Eng Leong: *You cannot provokes me.*

Tuan Pengerusi: *So you can give us more details.*

Dr. Chong Eng Leong: *Ya.*

Tuan Pengerusi: *Okay.*

Dr. Chong Eng Leong: *KDM before Malaysia 54% of Sabah bumiputera. But now KDM is only 34% of Sabah bumiputera. So the extraordinary population increasing in Sabah is due to the new bumiputera. So if we increase the same rate the Sarawak, we should have only 1.6 million now Malaysian. So, if you 2.354 million minus 1.6 million, ada 700,000 ialah "Project IC" punya citizen. From this 700,000 "Project IC" punya citizen, easily ada 200,000 sudah dalam daftar pemilih kita, kenapa boleh terjadi begitu?*

Ini kerana, if you look at my memorandum number 5, what made this large number of "Project IC" phantom voters possible in Sabah. Under my analysis, there are two reason - one, because of the UMNO Task Force in 1991. Apabila UMNO masuk Sabah 1991, dia tubuhkan satu UMNO Task Force. Dia punya kerja ialah cari orang asing, kemudian tolong mereka daftar sebagai citizen of Malaysia, selepas itu registered as UMNO Members, selepas itu tolong mereka daftar sebagai pengundi...

Tuan Pengerusi: *This are your perception lah, do you have...*

Dr. Chong Eng Leong: *This is not perception. This was exposed by Jabar Khan who is the secretary of the Sabah UMNO Task Force. He exposed this to the Parliamentary Select Committee yang Bernard Dompok jadi Chairman punya itu, on the Integrity. Jabar Khan di sana beritahu itu Committee, "Saya Setiausaha UMNO Task Force 1991", dia bilang. Pengerusinya ialah Musa Aman, Ketua Menteri sekarang. Timbalan Pengarahnya ialah Yahya Husin yang ini sekarang Timbalan Ketua Menteri Sabah. Mereka punya kerja cari orang asing, beri IC, daftar sebagai ahli UMNO, daftar sebagai daftar pemilih....*

Tuan Pengerusi: *Itu Jabar Khan cakap?*

Dr. Chong Eng Leong: *Itu Jabar Khan cakap and also reproduced in Harakah, also reproduced in my book. Kenapa tidak diambil tindakan? I am ready if you want to – you know. I said this many times. And this UMNO Task Force also revealed in the High Court in Tawau in 1995, Ian Chin the Judge, dia bilang, di sana orang betul-betul cari orang asing under instruction of the Sabah UMNO. In the judgment sana yang tulis begitu...*

Tuan Pengerusi: *Okay, concentrate on what are we going to do about this, what can we done?*

Dr. Chong Eng Leong: *The second reason* Tuan Pengerusi, for why “Project IC Number”, pengundi hantu ini *possible in Sabah is in the 1980. In the 1980s* – sebelum itu, ini *UMNO Task Force*, ramai orang kena tangkap termasuk JPN punya pegawai lah, *two ex-Director of Sabah JPN*. Ini semua tentang *UMNO Task Force* punya kerja itu dalam tahun 90-an. Dalam tahun 80-an, Hasnah Ibrahim beritahu *in the election petition* saya yang lawan *Election Commission* itu pada tahun 1999, Hasnah Ibrahim beritahu mahkamah yang Datuk Harris, *former Chief Minister of Sabah*, suruh dia sama Yahya Lampong pergi KL jumpa Megat Junid yang sudah *passed away* itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, *meeting* sama dia orang. So, dia orang *meeting* cerita apa macam kasi orang asing IC di Sabah. Itu Ketua Setiausaha Negara kita, Tan Sri Ahmad Sarji, membantah tapi Megat Junid beritahu itu orang hadir, tiga orang dari Bukit Aman, JPN ada, Imigresen ada, semua ada dalam *meeting*, dia bilang ini Dr. Mahathir sudah setuju ini barang. Itulah saya bilang ini ‘projek Mahathir’. Sampai sekarang ini “*Project IC...*” is known as ‘*projek Mahathir*’. Dr. Mahathir berani cakap apa sahaja *under the sky* tapi *until today*, dia masih diam-diam tentang ‘projek Mahathir’...

Tuan Pengerusi: *You have another chance to ask him personally.*

Dr. Chong Eng Leong: Lim Kit Siang di Parlimen ada cabar dia tapi dia diam-diam.

Tuan Pengerusi: *Okay, move on.*

Dr. Chong Eng Leong: So, saya di sini ada *ad-hoc committees and policy trying to* selesai ini barang. *This is beyond the time limit, so I cannot talk about that, except one. Datuk Radzi, one of Committee Members here*, mungkin ingat *in 2004*, ada satu dasar bilang orang asing bekerja sini ada permit, hantar pulang anak bini, baru boleh permit di *renew*. Kalau orang asing yang ada permit kerja mahu masuk, dia boleh bawa anak bini. Ada polisi begitu. Akan tetapi mana ada. Sampai ini sekarang, dia orang buat sekolah lagi sini sana. Itu *Indonesian* lah tetapi Filipina minta kebenaran buat sekolah untuk anak-anak dia orang, kita punya kerajaan *refused*. Indonesia boleh, Filipina tidak boleh buat *school*. *What I mean here is that, we have ad hoc committee and policy* mahu hapuskan ini barang bah, tapi semua ini mulut cakap sahaja.

Therefore, I come to the last is the proposal lah. *Proposal number one*. Ini *Select Committee, you got six months to do your job*. So, *I do not think you have the time to look for people responsible for all this wrong doing in Sabah*.

So, I suggest the Select Committee strongly recommend to form a Royal Commission of Inquiry, so that you can ask those people involved termasuk Dr. Mahathir, Harris, Ahmad Sarji yang masih alive especially Dr. Mahathir yang sudah 80 tahun, call him before its too late... Call all this people termasuk Yahya Lampong, orang Sabah, two JPN ex-Director, banyak lagi staf JPN kena tangkap, panggil dia orang. Akjan the 'Sultan' pun involved, bukan? Panggil dia orang.

■ 1100

Then also Wikileaks ada cakap bukannya election commission punya ex-chief beritahu, MAFREL punya chief beritahu, "Oh, dahulu saya tolong mereka daftar begitu." Whether is true or not call them, both of them beri penjelasan. Begitu bukannya? Then cadangan nombor 2...

Tuan Pengerusi: *So that's your recommending for...*

Dr. Chong Eng Leong: *Royal Commission of Inquiry, yes.*

Tuan Pengerusi: *Because in Sabah a lot of political party has recommend this no need comment, what is your comment. That say commission inquiry that only thing you looking at history. Who did what? What should be done to them in of what? By the way, the problem of what do you do next, what's you comment to them? This is what people comment including to our party, okay. Just to declare.*

Dr. Chong Eng Leong: *We have to learn history is very important. We have to learn history, bukannya? We learn from history, number 1. Number 2 those people doing something wrong for our sovereignty. Kita Sabah dan Sarawak itu bukan Malaysia nothing but security and selves warranty of Sabah within Malaysia. Akan tetapi orang ini buat begitu, apa macam kita punya sovereignty? Habislah kita. So we have to look into it, bukannya? Then you got reason to go to proposal number 2 and 3.*

Tuan Pengerusi: *Okay, what is number 3?*

Dr. Chong Eng Leong: *Number 2 is that Tuan Pengerusi recall that in 2003 di Parlimen, Tuan Pengerusi sendiri cakaplah. Tuan Pengerusi sendiri cakap, you propose that the electoral should be clean of phantom voters, bukannya?*

Tuan Pengerusi: *Ya, ya.*

Dr. Chong Eng Leong: *Now you are the Chairman, you got the opportunity to create out your proposal bukannya?*

Tuan Pengerusi: *Ya, tahu. To this committeelah. That's why we need to get input on here. How best to do it.*

Dr. Chong Eng Leong: *Ya, you dari dahulu pun tahukan, the chances bukannya?*

Tuan Pengerusi: *Yes, of course. All Sabahan, Malaysian in Sabah...*

Dr. Chong Eng Leong: *You gugurkan nama merekalah. Do us not only Sabah but the whole Malaysia grand good job, you know. The last proposal, the third proposal after you gugurkan mereka punya nama dari daftar pemilih of course mereka punya citizenship pun inquisitionkan? So I will suggest that you recall all that project IC yang boleh tangkap punyalah review mereka punya citizenship. Ini kita ada former few minister sahaja, Dato' Radzi boleh tolonglah. You look into JPN Immigration Department, bukankah Dato'? So Dato' I know the job is very difficult one we know. Is I said in my last paragraph to carrying out these proposals is an onerous one and the outcome will leave an indelible mark that may one day be either a source of pride to the future generations or a focus of contempt. So I hope on behalf of PKR I submit these memorandum I can help you people to achieve the first limb what I say just now. Thank you.*

Tuan Pengerusi: *Thank you very much.*

Dr. Chong Eng Leong: *Any question?*

Tuan Pengerusi: *Saya rasa cukup jelas the dokumen-dokumen yang telah pun diserahkan untuk penelitian kita. One's again thank you very much Dr. Chong and En. Taufick for the group of your come. Ada input?*

Tuan Loke Siew Fook: *Ya. Tuan Pengerusi terima kasih. Terima kasih Dr. Chong. Saya cuma hendak mendapatkan penjelasan lebih lanjut berkenaan point yang kedua, phantom voter's IC numbers. Di sini ada diberikan beberapa nombor siri daripada H0288001 kepada H0384000 dan seterusnya ada beberapa siri lagi. Are this number's still on electoral?*

Dr. Chong Eng Leong: *Saya ada cakap tadi, their still on – ada 70,000 lagi. I have 60 DUN in Sabah I know where there are... Every DUN ada mereka punya nama. Saya ada.*

Tuan Pengerusi: *Ya. Maybe you can give us, to this committee, that list.*

Tuan Loke Siew Fook: *Mungkin can I get Tuan Pengerusi. Boleh saya dapatkan...*

Dr. Chong Eng Leong: *Like thislah. I tell you first, I give you a list in each Parliamentary area, how many under this number, okay?*

Tuan Pengerusi: *Ya, ya.*

Dr. Chong Eng Leong: *Datuk PBS pun ada.*

Tuan Pengerusi: *Ya, ya. Akan tetapi you coming a saksi so you...*

Dr. Chong Eng Leong: *The same thing, Datuk Radin Malleh..., police report dia beri serahkan nombor-nombor so much 70,000. Ada itu police report, ada itu Datuk Radin Malleh. Saya pun ada copy itu, dia pun patut ada copy itu.*

Tuan Loke Siew Fook: Sebelum itu Tuan Pengerusi, saya hendak mungkin minta penjelasan daripada pihak JPN sama ada nombor ini masih diguna pakai sebab kita daripada Semenanjung *we are not familiar on this of number's*. Ini kerana nombor MyKad kita semua bermula dengan tarikh lahir sekarang. Sama ada nombor-nombor siri macam ini dalam MyKad masih digunakan untuk kad pengenalan di Sabah?

Tuan Pengerusi: Minta JPN komen sekejap mana yang boleh. Kalau tidak kita bincang dalam Jawatankuasa.

Dato' Alwi bin Hj. Ibrahim [Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Kementerian Dalam Negeri]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, perkara ini kita kena siasat. Kita tengok dahulu kita tidak boleh hendak *on the spot because number* ini kita kena *check*lah nombor-nombor yang dinyatakan. Saya pun tidak tengok lagi memorandum ini.

Tuan Loke Siew Fook: Maksud saya ialah adakah masih IC di Sabah menggunakan permulaan 'H'. Di sini ada tertera nombor siri dia, dia kata nombor IC lamalah H0288001 sama ada nombor-nombor macam ini masih diguna pakai untuk kad pengenalan di Sabah?

Dato' Alwi bin Hj. Ibrahim: Ya. Itu yang saya kata kita kena *check*lah di JPN. Sekarang ini kita gunakan MyKad *number*.

Tuan Loke Siew Fook: Untuk Sabah juga?

Dato' Alwi bin Hj. Ibrahim: Ya, semualah MyKad *number*.

Tuan Pengerusi: Ya, tidak pakai 'H' lagi. Dia pakai...

Dato' Alwi bin Hj. Ibrahim: *That's why this number we have to check to detail you know.*

Tuan Pengerusi: *Actually* memang semenjak MyKad kita pakai yang tarikh *date of birth like mine* 53 dan seterusnya. But banyak rakyat di Sabah juga mengekalkan itu 'H' tetapi *I thing that's the issue old IC* memang ada 'H'. Akan tetapi yang *new IC* sudah tidak ada, bukannya? *Okay, last comment.*

Dr. Chong Eng Leong: Tuan Pengerusi *no, the our MyKad you and my although* kita *new IC* tetapi *old IC* masih ada sana.

Tuan Pengerusi: Masih ada tulisan sana.

Dr. Chong Eng Leong: Ini *electoral on the this form* pun masih ada *old IC*. Ada itu.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi *issue of new one*, dia tidak pakai lagi sana.

Tuan Loke Siew Fook: *Can I...*

Tuan Pengerusi: Pergi JPN Sabah sini.

Dato' Alwi bin Hj. Ibrahim: Untuk yang MyKad *still* ada...

Tuan Pengerusi: Memang saya punya kad ada 'H' punya...

Tuan Loke Siew Fook: Saya faham itu MyKad di belakang MyKad saya sendiri pun ada nombor IC lama yang *start* daripada 'A'. Cuma saya hendak dapat penjelasan sedikit lanjut daripada SPR, dalam ruang daftar pemilih sama ada nombor IC lama masih terpakai tidak? Oleh kerana setahu saya hanya nombor IC baru MyKad sebab semua orang diberikan MyKad baru, nombor baru. Walaupun MyKad dia ada tertera no IC lama tetapi yang diguna pakai ialah nombor IC baru bermula dengan tarikh lahir.

Jadi untuk SPR dalam daftar pemilih adakah masih nombor IC lama itu tertera dalam daftar pemilih? Setahu saya kalau daftar pemilih di kawasan-kawasan Parlimen di Semenanjung kebanyakannya sudah *almost all* pakai nombor IC baru.

Tuan Pengerusi: Pakai *MyKad number*.

Tuan Loke Siew Fook: Ya.

Encik Harun Che Su [Timbalan Setiausaha]: Untuk makluman Tuan Pengerusi, berdasarkan maklumat yang ada sekarang memang IC yang baru sahaja. Jadi apa-apa yang lama itu kita berdasarkan pangkalan data yang kita ambil daripada JPN. Jadi yang timbul di dalam daftar pemilih itu adalah IC yang baru.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: ...Semua pakai yang dalam daftar sekarang semua IC baru atau ada lagi yang masih IC lama?

Encik Harun Che Su: *I think...*

Tuan Loke Siew Fook: IC baru sahaja.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Yang tidak tukar IC ada lagi.

Tuan Pengerusi: *I think* Sabah masih ada 'H' sebahagian.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ada. Di Semenanjung ada yang IC lama lagi.

Dr. Chong Eng Leong: Tuan Pengerusi, Sabah masih ada pakai IC number's sahaja.

Tuan Pengerusi: 'H' ada yang belum tukar. Ada yang belum tukar.

Dr. Chong Eng Leong: Betul.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kita minta kepastian daripada SPR sekarang ini.

Tuan Pengerusi: *Simple* sahaja di bawah daftar pemilih SPR *your office in Sabah*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Oleh sebab di Semenanjung Malaysia pun masih juga guna IC lama. Ada dalam satu-satu peti undi itu mungkin 10-20 orang yang lama masih ada lagi...

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Belia-belia itu dia masih belum tukar, masih *under age*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi saya hendak tahu di Sabah ini adakah digunakan IC baru semua ataupun masih digunakan IC lama sedikit dan yang baru ada juga. Itu yang kita hendak tahu.

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, mungkin soalan saya mungkin minta JPN juga *furnish* kepada kita maklumat di Sabah ada berapa lagi warganegara yang pakai IC lama yang belum tukar ke MyKad.

Tuan Pengerusi: Belum tukar, ya.

Tuan Loke Siew Fook: Mungkin itu data boleh di *furnish*kan.

Tuan Pengerusi: Boleh kita minta itu? Saya rasa JPN boleh...

Tuan Loke Siew Fook: Minta maklumat berapa orang yang masih memegang nombor kad IC lama tetapi belum tukar kepada MyKad? Mungkin nombor itu boleh diberikan.

Tuan Pengerusi: Okey, maklumat-maklumat yang diperlukan. Dalam hal ini boleh kita bincang di kalangan Jawatankuasa dan pegawai. Terima kasih sekali lagi Dr. Chong and En Taufick. Thank you.

Dr. Chong Eng Leong: Thank you Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, sambil kumpulan PKR bertukar ganti kita ada peluang satu kumpulan sahaja lagi sebelum beredar. Difahamkan pihak Parti DAP ada? *Oh, you the inside sitting down* kah tadi? *Okay, hang on.* Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan khususnya mereka yang pemerhati, tidak dibenarkan mengambil gambar ataupun *recording* pada masa berjalan seperti mana di dalam Parlimen. Okey, itulah yang mengganggu signal-signal. So pihak awam tidak dibenarkan, hanya satu sahaja pada masa perjalanan iaitu *recording* daripada Pejabat Parlimen, dari Parlimen sendiri, okey. Mohon kepada semua pemerhati *you cannot take pictures and we ask you to do so.* Biasanya dalam permulaan kita benarkan, *reporters* pun boleh ambil pada permulaan tetapi dalam perjalanan Mesyuarat tidak dibenarkan kecuali *recording* dilakukan oleh Parlimen.

Okey, sebelum itu selamat datang kepada Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Roosme yang baru dapat bersama dengan kita, baru sampai sebab sibuk dengan laporan kita. Okey, penghabisan untuk pagi ini kerana Jumaat, kumpulan daripada DAP diwakili oleh Encik Adris bin Taripin.

[Saksi individu Encik Adris bin Taripin mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Okey, perkenalkan diri dan berapa orang, dua orang, aatu orang sahaja? Okey dipersilakan saya beri 10 minit dahulu kalau perlu nanti akan tambah.

11.12 pg.

Encik Adris bin Taripin [Saksi Individu]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, semua panel Dewan Rakyat, wakil-wakil rakyat Parlimen, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Pada pagi ini saya 'mewakili Parti DAP negeri' untuk membentangkan usul penambahbaikan mengenai sistem pilihan raya di Malaysia.

Tuan Pengerusi: Ya, sebenarnya tidak membentangkan usul. Menyampaikan pandangan maklumat dan memorandum.

Encik Adris bin Taripin: Ya, *sorry*. Satu, undi pos. Undi pos tadi memang seluruh parti dan kemudian NGO semua membentangkan, menyuarakan tentang ini, undi pos. Bagi DAP, undi pos ini harus dimansuhkan dan ditiadakan dalam pilihan raya akan datang. Ini harus. Tidak boleh tidak harus ditiadakan. Ini...

Tuan Pengerusi: Jadi bagaimana mereka mengundi nanti?

Encik Adris bin Taripin: Mengundi melalui saluran yang betul. Saya ada cadangan di sini, semua saya fikir ahli panel mendapat salinan ini daripada DAP dan di sini saya nyatakan cara mengundi undi pos ini habis kebanyakan undi pos ini adalah kakitangan awam, kakitangan kerajaan yang mengendalikan pilihan raya itu. Jadi apabila mereka bertugas, kita izinkan, kerajaan izinkan melalui SPR, melalui retaining officer, Pegawai Daerah beri mereka surat untuk mengundi di pusat mereka bertugas. Ini adalah lebih telus supaya nampak di sana mereka tidak lagi dihalau, dimaki ataupun dituduh macam-macam undi pos kamulah undi hantu segala-gala hah ini.

Undi pos ini lagi kebanyakan tempat diundi pejabat daerah. Terus-terang saya dari Tenom. Undi pos 2008, diundi di depan Pegawai Daerah. Kakitangan awam yang bertugas pilihan raya, kerani-kerani mengundi dipanggil mengundi dua hari sebelum pembuangan undi awam, mengundi di depan Pegawai Daerah. Bagaimana itu kakitangan awam ada demokrasi? Bagaimana mereka menyuarakan isi hati tidak suka kerajaankah, suka kerajaankah di depan Pegawai Daerah tetap juga mengundi Barisan Nasional. Ini berlaku dalam pilihan raya. Tidak adil bagi semua pihak terutama sekali parti lawan. Ini undi pos saya tegaskan di sini...

■1115

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Minta maafah Encik Adris.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Encik Adris cadangkan hapuskan semua pengundi pos.

Encik Adris bin Taripin: Hapuskan undi pos tetapi undi pos ini ditukar dengan satu cara kerana undi pos ini adalah kakitangan awam yang bertugas apabila pilihan raya.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Bagaimana dengan keadaan askar-askar yang berada di hutan dan sebagainya?

Encik Adris bin Taripin: Okey, kalau dia di hutan...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Atau polis yang bertugas di luar-luar bandar semua itu yang pulau.

Encik Adris bin Taripin: Okey.

Tuan Pengerusi: Tadi dia katakan kalau bertugas di suatu tempat undi di situ. Saya rasa itu boleh terima tetapi polis, tentera di persempadanan bagaimana mereka boleh mengundi nanti kalau kita tidak pakai undi pos.

Encik Adris bin Taripin: Saya cadangkan di sini oleh kerana mereka bertugas terpaksa *sacrifice*, terpaksa berkorban, terpaksa tidak dapat mengundi.

Tuan Pengerusi: Susah juga.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Cadangan, mereka tidak berhak mengundi.

Encik Adris bin Taripin: Tidak payah undi.

Tuan Pengerusi: Tidak payah undi.

Tuan Loke Siew Fook: Saya bagi penjelasan sedikit. Pencelahan, pencelahan.

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat Rasah bantu.

Tuan Loke Siew Fook: Saya rasa itu *stand* parti, *position* DAP penjelasan ataupun *stand* parti DAP ialah undi pos memang kita rasa kebanyakan undi pos sekarang ialah berada di dalam kem itu yang kita minta dimansuhkan, *advance voting*. Akan tetapi, bagi mereka yang berada di hutan ataupun yang berada di luar negara pegawai-pegawai tentera yang bertugas katakan macam pegawai pengaman PBB, kalau ada pegawai bertugas kita di PBB itu dibenarkan. Kita tidak mahu menafikan mana-mana satu warganegara yang berhak mengundi daripada mengundi.

So, but of course kita bersetuju bahawa jumlah undi pos itu patut dikurangkan kepada yang paling minimum kepada yang berada di dalam kem-kem yang statik. Sepatutnya *advance voting* bukannya lagi *postal voting* so itu *position*. Saya juga hendak perbetulkan sikit untuk perjelaskan juga poin yang kedua untuk undi pos juga, undi pos luar negara. Saya rasa ini perlu dibuat penjelasan sedikit sekiranya tidak nanti ada yang salah faham bahawa kita tidak mahu membenarkan rakyat Malaysia di luar negara daripada mengundi.

Kita berkata undi pos luar negara di sini ada tertera tidak perlu undi pos kerana ramai yang tidak berpuas hati. Memang kita mengatakan bahawa untuk rakyat Malaysia di luar negara kita mahu berikan hak kepada mereka untuk mengundi juga tetapi mekanisme mungkin bukan melalui undi pos. Akan tetapi, *overseas voting* di kedutaan-kedutaan kita. So, saya harap ini dapat diperjelaskanlah kalau tidak ini akan disalah fahamkan. Sebab penjelasan ini - *position* ini tidak jelas. *So that is not a partisan.*

Tuan Pengerusi: Okey, *vice president.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Loke Siew Fook: *I know what it means.* Akan tetapi, kita perlu perjelaskan sebab di sini kalau kita kata undi pos luar negara tidak diperlukan nanti rakyat Malaysia di luar negara ingat kita menafikan hak mereka sebagai pengundi.

Tuan Pengerusi: Kita rekod sahaja DAP pusat punya pandangan. Okey, teruskan DAP Sabah.

Encik Adris bin Taripin: Ya okey. Ini undi pos luar negara saya perlu jelaskan di sini bahawa undi pos di dalam negara pun banyak kontroversi. Banyak masalah, banyak orang yang tidak puas hati kita ambil lagi undi di luar negara ini. Lagi teruk banyak sangkaan buruk-buruk tambah undi di sanalah, undi lain oranglah nanti jadi macam-macam kita punya masalah, persepsi yang tidak betul. Sekarang ini kita ambil undi luar negara atau tidak? Tidakkah? Tidak ada masalah tetapi *next election* ini saya dengar Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia ini cakap di TV dia bilang luar negara pun harus mengundi akan datang. Jadi ini menambahkan lagi masalah kita.

Tuan Pengerusi: Okey, berhenti sebentar dulu.

Encik Adris bin Taripin: Ya, okey.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Hulu Selangor hendak minta penjelasan sedikit berhubung perkara ini.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Encik Adris terima kasih. Cadangan ini berbeza sedikit daripada cadangan-cadangan yang sebelum diterima. Dua aspek, saudara kata tadi askar-askar, tentera-tentera yang berada di persempadanan kita tidak harus mengundi. Boleh korbankan rakyat Malaysia yang duduk di Malaysia yang berkhidmat berjuang untuk negara saudara cadangkan bahawa ia harus mengorbankan diri jangannya mengundi. Ya, betul atau tidak?

Encik Adris bin Taripin: Ya, betul.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Kedua, Encik Adris mencadangkan bahawa DAP Sabah tidak mahu membenarkan undi luar negara.

Encik Adris bin Taripin: Betul.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Undi pos, undi pos saya hendak bagi penjelasan itu bukan DAP *stand*. Ini bukan.

Encik Adris bin Taripin: Ini soal pendapat saya sebagai ahli DAP di Sabah bukan kerana DAP pusat ataupun pengerusi DAP Sabah. Ini pendapat peribadi Adris Taripin.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Encik Adris.

Encik Adris bin Taripin: Ya, okey.

Tuan Pengerusi: Jadi bicara atas peribadikah atau atas nama DAP? Saya minta penjelasan.

Encik Adris bin Taripin: Ini saya tambah atas dasar peribadi saya. Okey, sebab ini berdasarkan masalah-masalah yang kita lalu ini sebenarnya inilah penambahbaikan. Kalau semua cakap ini *Public Hearing* salah, jadi apa guna kita ini penambahbaikan. Jadi ini hanyalah pendapat kalau betul dari segi pendapat kita boleh diambil kira oleh Jawatankuasa. Kalau tidak betul, itu tidak mengapa.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Dari segi peraturan kita *either* berbicara atas nama organisasi iaitu parti ataupun atas nama peribadi. So, perlu perjelaskanlah bahawa ini pandangan peribadi.

Encik Adris bin Taripin: Okey.

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi, *I just want to put on record*lah Tuan Pengerusi. Dua prinsip utama kita dalam DAP punya *stand*lah tidak ada seorang warganegara pun yang sepatutnya dinafikan hak untuk mengundi. Biar mereka di mana *that is the main principle*. Semua warganegara Malaysia yang sudah berumur 21 tahun yang berhak mengundi perlu diberikan hak mengundi. Kita tidak boleh menafikan mana-mana orang sama ada dia berada di hutankah, di manakah tidak boleh nafikan. So, *our* tanggungjawab mencari kaedah yang terbaik, mekanisme yang terbaik yang paling *transparent* untuk memastikan mereka dapat mengundi. Biar mereka di *overseas* sana.

Tuan Pengerusi: Penjelasan Yang Berhormat Rasah itu daripada DAP pusat. Selamat datang kepada Yang Berhormat Wangsa Maju ke Kota Kinabalu. Kami dalam perjalanan itu. Okey, lima minit lagi.

Encik Adris bin Taripin: Satu lagi politik wang. Pemberian wang dan material apabila pilihan raya berjalan.

Tuan Pengerusi: Okey, apa yang mahu dibuat di sini.

Encik Adris bin Taripin: Okey. Ini yang satu, dua, tiga ini saya tidak perlu perjelaskan. Satu untuk penambahbaikan saya kira satu cara yang terbaik.

Semua pemimpin, semua calon-calon dalam pilihan raya itu nanti baik pembangkang mahupun Barisan Nasional haruslah *sincere*, haruslah ikut akta yang diwujudkan oleh Suruhanjaya Pilihan raya tidak boleh menggunakan wang dan tidak boleh membagi material semasa pilihan raya. Akan tetapi, ini telah dilakukan sebelum ini. Ini sering berlaku apabila pilihan raya. Jadi ini menyebabkan pihak lawan terutama sekali pembangkang mana ada duit, mana ada material hendak di bagi. Ini sudah tentu kalah punya. Ini terus terang jadi kalau...

Tuan Pengerusi: Jadi pemberian itu ada impak kepada...

Encik Adris bin Taripin: Ada impak.

Tuan Pengerusi: Sentimen-sentimen pengundi?

Encik Adris bin Taripin: Betul. Jadi ini kalau semua ini kita lawan secara tulus, lawan secara *sincere* tanpa menggunakan wang ataupun material saya rasa ini adalah lebih baik untuk pilihan raya akan datang.

Tuan Pengerusi: Okey, ada lagi?

Encik Adris bin Taripin: Saya rasa semua ini telah pun di cakap semasa dua panel tadi. Jadi saya rasa tidak perlulah saya ulas lebih lanjut tentang perkara yang lain.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih saudara Encik Adris. Ahli Yang Berhormat ada apa-apa semua? Okey, Yang Berhormat daripada Kapit Sarawak.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya tertarik dengan saudara Encik Adris ini mengenai undi pos ataupun undi yang tidak dapat dikendalikan semasa hari mengundi sebab ramai orang Sarawak dan orang Sabah bekerja ataupun di Semenanjung. Jadi saya dalam satu sesi yang lepas ini pernah menyebut bagaimana dengan mereka ini. Bagaimana kita hendak memberikan peluang kepada mereka untuk menunaikan hak mereka sebagai pengundi. Kalaulah kita hendak memberikan peluang kepada warganegara Malaysia di luar negara untuk mengundi melalui undi pos ataupun kaedah yang lain, mengapa tidak juga kita menyediakan peluang untuk rakyat Sabah dan Sarawak yang semasa pilihan raya itu di Semenanjung mengundi juga.

Sebab kita ini bukan senang hendak balik sebab kita ini dipisahkan oleh Laut China Selatan begitu sukar kita hendak balik. Kalau kita memberi peluang kepada rakyat Malaysia di tempat lain mengapa tidak kita memberi peluang kepada rakyat kita yang tidak dapat balik untuk mengundi. Saya tidak bermaksud Johor ke Perlis sebab itu mudah ada jalan raya tetapi kita jauh sekali. Tawau dengan Kuala Lumpur mungkin lebih jauh Kuala Lumpur dengan Thailand ataupun Bangkok. Bagaimana dengan pandangan saudara?

Encik Adris bin Taripin: Ya, terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sebelum menjawab saya mahu tanya juga. Mungkin saudara bersetuju jika cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kapiti membenarkan orang Sabah dan orang Sarawak yang bekerja di Semenanjung yang bermastautin di sana mengundi cara pos apatah juga boleh dibenarkan pula orang Perlis yang bermastautin di Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi: Orang Malaysia dan orang Semenanjung yang bertugas di sini apa pandangan Encik Adris.

Encik Adris bin Taripin: Ya, terima kasih atas persoalan itu. Saya berpandangan memang benar seluruh warganegara Malaysia ini dibenarkan mengundi apabila pilihan raya. Jadi kita benarkan di mana-mana negeri berada di mana-mana negeri di Malaysia ini baik Sabah, Semenanjung atau Sarawak boleh mengundi di tempat itu dengan cara dan kaedah yang betul. Maksud dia itu, dia diizinkan mengundi di tempat itu tanpa nama dia berada di sana. Biasanya nama tertinggal di negeri itu tetapi dia berada di sini. Jadi kaedah dia dengan kebenaran.

Tuan Pengerusi: Kebenaran itu bagaimana itu nanti?

Encik Adris bin Taripin: Kebenaran Suruhanjaya Pilihan Rayalah.

Tuan Pengerusi: Macam undi pos tetapi undi awalkah, undi terbukalah yang kamu cadangkan.

Encik Adris bin Taripin: Ini undi terbuka. Kita beri dia undi terbuka dia boleh mengundi pada masa pengundian itu.

Tuan Pengerusi: Perlu mahu daftarlah untuk mengundi.

Encik Adris bin Taripin: Ya, sebab nama dia, sebab ini *online*. Nama kita dalam SPR *online* dia boleh ambil nama dalam SPR sekarang saya berada di Sabah, saya berasal dari Perak ataupun Sarawak saya mengundi di sini. Ini okey.

Tuan Pengerusi: Kalau tidak dia minta belanja Yang Berhormat itu untuk pulang.

Encik Adris bin Taripin: Itulah masalah dia itu.

Tuan Pengerusi: Walaupun dia gugurkan hak dia. Okey, nanti Jawatankuasa akan telitikan. Terima kasih saudara Encik Adris.

Encik Adris bin Taripin: Ya, okey.

[Saksi dari Parti Sosialis Malaysia (PSM) mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

11.26 pg.

Encik Kanul Gindol [Parti Sosialis]: Tuan Pengerusi, mohon laluan boleh lima hingga lapan minit? Saya mewakili Parti Sosialis Malaysia, Sabah *chapter*.

Tuan Pengerusi: Parti Sosialis belum lagi daftar sini.

Encik Kanul Gindol: Ada tadi.

Tuan Pengerusi: Tidak ada sebab...

Encik Kanul Gindol: Ada *hand written*.

Tuan Pengerusi: Oleh sebab jam 11.30 kita mahu membenarkan.

Encik Kanul Gindol: Lima minit sahaja sekejap Tuan Pengerusi kalau boleh.

Tuan Pengerusi: Berdaftarkah ini Parti Sosialis?

Encik Kanul Gindol: Berdaftar. Ada tadi di sebelah.

Tuan Pengerusi: Bukan sebagai pertubuhan?

Tuan Loke Siew Fook: Berdaftar sebagai parti politik *already ten years struggle* di dalam mahkamah.

Tuan Pengerusi: Okey, saya bagi lima minit. Sebab mahu pergi ibadah saudara Muslimin kita. Lima minit sahaja.

Encik Kanul Gindol: Terima kasih. Selamat pagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kalau boleh *stress* yang belum dibangkitkan supaya ada *freshness*, dengan izin. Sila.

11.28 pg.

Encik Kanul Gindol: Selamat pagi dan salam sejahtera Tuan Pengerusi ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ahli yang lain. Nama saya Encik Kanul Gindol, saya mewakili Parti Sosialis Malaysia untuk Sabah *Chapter*. Sebenarnya saya baru diberitahu dua hari yang lalu untuk mewakili PSM ke sesi pendengaran awam ini. Jadi pada pagi ini secara pendek saya ingin menarik perhatian semua yang menganggotai Jawatankuasa Parlimen ini bahawa integriti sistem perjalanan raya di Malaysia sekarang ini sedang dipersoalkan dengan hebat bukan sahaja oleh para pemerhati yang *intelligent* tetapi oleh rakyat bawahan, *grass root* yang di bawah.

Dalam 13 buah negeri di Malaysia ini Tuan Pengerusi, Sabah merupakan satu-satunya negeri yang paling teruk dihambat dengan pelbagai permasalahan berhubung dengan sistem pilihan raya. Tidak perlu saya sebut, saya huraikan semua adalah dihuraikan oleh penghujah yang sebelum ini yang juga termaktub di dalam buku-buku laporan dan hujah-hujah. Saya ingat dalam *Hansard* Parlimen pun sudah bertimbun sudah.

■1130

Tuan Pengerusi: So, apa kita harus buat?

Encik Kanul Gindol: Ya, apa yang harus dibuat, jawatankuasa ini hendaklah membantu Parlimen ataupun kerajaan untuk mencari satu formula mengembalikan, mengekalkan integriti kamu. Ini bukan soal integriti rakyat.

Kalau rakyat terus juga memilih mahukan integriti yang terancam begini, maka rakyat yang salah. So, hari ini adalah pendengaran awam daripada rakyat yang diwakili oleh NGO, individu dan parti-parti politik yang ada di Sabah. So, Tuan Pengerusi dengan ringkas, saya ingin menyebut tiga perkara. Mungkin ini belum disebut tadi.

Satu ialah tempoh kempen. Biasanya apabila Parlimen atau DUN bubar, tempoh kempen adalah sangat pendek, tujuh, lapan ataupun sepuluh hari. Saya tidak pasti kalau pernah lebih daripada sepuluh hari dalam beberapa pilihan raya kebelakangan ini. Saya ingat di Sabah dan Sarawak di mana infrastruktur adalah sangat teruk dan kawasan yang diwakili oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah begitu luas dan penempatannya sangat berselerak adalah lebih adil kalau diberi peluang berkempen untuk tempoh yang lama sedikit, mungkin 12 hari. Mungkin tidak boleh lebih daripada dua minggu kerana kos juga memainkan peranan yang penting. Itu satu.

Yang keduanya, saya tidak begitu pasti sama ada amalan ini masih diteruskan iaitu apabila mengundi pada hari mengundi, bila tutup pengundian, ada satu borang kalau saya tidak silap namanya Borang 14 kah 13 di mana jumlah undi calon-calon yang bertanding dinyatakan di sana – calon 'A', ini undi dia – ini saya bercerita di pusat membuang undi. Calon 'B' ini undi dia, calon 'C', *bla bla bla*, ini undi dia dan dia orang akan tandatangan. Banyak kejadian di Sabah apabila borang ini disediakan, penjumlahan itu telah dibuat di pusat mengundi, ejen-ejen mengira undi orang yang bertanding itu tidak diberi salinan ini. Kenapa tidak diberi? Ini mungkin satu kebetulan sahaja. Banyak juga berlaku apabila peti undi dibawa ke pusat penjumlahan mengundi.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Telah dipinda.

Encik Kanul Gindol: Telah dipinda. Baik. Kalau tidak dipinda dan mungkin lebih baik itu dialu-alukan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kangar apa pindaan itu? Untuk penjelasan sahaja.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Untuk pindaan, Borang 13 dan Borang 14, ia mesti diserahkan kepada...

Tuan Pengerusi: Ejen, satu salinan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ejen, satu salinan mesti diserahkan selain daripada dia boleh menandatangani...

Tuan Pengerusi: Dia mesti tandatangan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: ...Mesti diberi satu salinan Borang 13 dan 14.

Encik Kanul Gindol: Hendaklah diwajibkan mesti diberi.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Mesti diberi.

Encik Kanul Gindol: Kalau tidak, lain yang dikira di pusat mengundi, lain yang di umum di pusat penjumlahan undi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Loke Siew Fook: Saya mencelah sedikit. Borang 14 itu memang ia diwajibkan untuk diberikan kepada setiap ejen daripada dulu lagi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi hanya kadang-kadang pegawai yang dilantik di tempat-tempat mengundi ini, dia tidak tahu peraturan itu yang ditetapkan oleh SPR. Walaupun ini arahan untuk wajib diberikan tetapi kadang-kadang yang berlaku masalah ialah di tempat-tempat mengundi, ketua-ketua tempat mengundi. Jadi, ejen-ejen parti politik perlu *insist*, perlu *fight* untuk dapatkan Borang 14 itu kalau dia tidak diberikan. Memang itu tertera dalam Peraturan Pilihan Raya. Perlu diberikan.

Encik Kanul Gindol: Tuan Pengerusi, saya ingat ini tugas parti-parti politik atau calon yang bertanding.

Tuan Pengerusi: Ada juga ejen yang awal-awal sudah pulang sebab kalah teruk, dia terus pulang... [*Ketawa*] Jadi, lepas itu baru mengadu. So, itu juga masalah.

Encik Kanul Gindol: Tuan Pengerusi, yang ketiga ialah kami berpandangan bahawa pemerhati antarabangsa hendaklah dijemput, bukan sahaja dibenarkan tetapi kita jemput. Jemputlah yang berwibawa. Jangan jemput yang macam kawan kepada *ruling party*. Ini juga akan meruntuhkan integriti kepada sistem perjalanan pilihan raya.

Yang terakhir, Tuan Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa ini, saya ingat *guiding lines* untuk kita cari formula, *elaborate*, cari *details* macam mana menambah baik ialah tengok *demand* yang dibuat oleh Bersih, tujuh kah lapan perkara itu. Saya ingat itu *general* tetapi kalau kita ambil itu sebagai satu *guideline*, cukup untuk kita buat kerja, cari macam mana menambah baik. Pendengaran Awam seperti ini hendaklah dibuka luas sedikit, bukan macam hari ini, kami masuk pun tidak ada tempat duduk. Jadi, saya ingat itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih atas peluang yang diberikan.

Tuan Pengerusi: Okey, memang Datuk Ambiga dan kumpulan itu telah kita sudah panggil kira-kira dua jam. Saya telah katakan awal-awal, mohon maaf kerana tempat yang sempit, namun yang penting siapa-siapa yang ingin didengari itu, ada ruang di tempatnya untuk didengari. Saya jelaskan tadi, ia tidak sama dengan pendengaran Suhakam, di dewan masyarakat kerana *recording* yang perlu, *word-by-word* ini perlu ada dalam *Hansard*. So, mestilah dalam keadaan dan suasana yang sesuai. Akan tetapi saya sedia maklum memang ada sempit sedikit. Di sini saya mohon maaf. Okey, terima kasih saudara...

[Saksi individu Encik Kong Yun Chee @ Joshua Kong mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

11.35 pg.

Encik Kong Yun Chee @ Joshua Kong: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, *your office in KL promise me in the morning session but now is already past.*

Tuan Pengerusi: *I know, ya.*

Encik Kong Yun Chee @ Joshua Kong: *Afternoon, is it number one? If not, I will sue you.*

Tuan Pengerusi: *[Ketawa] No, no, don't be like that. We have to respect the prayer time of Muslim's brothers. I give you the first one at 2.30, okay, ya? Because the other groups took a bit more time than what they promise to speak, all right? Okay. It's only the guideline. I give you the first one, pukul 2.30, okay? Please sabar. We all want to see the system improve. We're willing to listen. Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai semua, terima kasih. Saya tangguhkan mesyuarat ke jam 2.30 petang.*

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 11.37 pagi.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili **mempengerusikan Mesyuarat**]

▪ 1430

Tuan Pengerusi: Selamat petang, salam sejahtera. Salam 1Malaysia saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ini mengenai dengan penambahbaikan sistem pilihan raya negara kita juga kepada semua pegawai sokongan daripada pelbagai kementerian. Bagi mereka, pemerhati-pemerhati dari kedua-dua bilik, saya sekali lagi mohon maaf jika sempit tetapi yang penting, wakil itu, suaranya boleh didengar dan bagi sesi tadi kita selesai mendengar empat kumpulan walaupun satu daripadanya, akhirnya mengatakan dia ialah wakil peribadi sendiri. Tidak ada masalah itu. Kita boleh perbetulkan nanti.

Untuk memulakan sesi pada petang ini, kita ada – *from the rest of the afternoon* dengan izin, kita masih ada lapan kumpulan yang memohon untuk hadir dan menyampaikan pandangan ataupun *submission* mereka. Seorang yang dari pagi lagi Encik Kong Yun Chee @ Joshua Kong. Dan kalau di Kota Kinabalu memang dikenali. Saya beri peluang kepada Encik Kong Yun Chee @ Joshua Kong untuk memulakannya, 10 minit *first. If you need more time, I will add on.*

[Saksi individu Encik Kong Yun Chee @ Joshua Kong mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

2.33 ptg.

Encik Kong Yun Chee @ Joshua Kong: *Okay, thank you Tuan Pengerusi. Before I start, I ask permission to speak in English.*

Tuan Pengerusi: Ya, boleh.

Encik Kong Yun Chee @ Joshua Kong: *Actually, I prepare power point for the presentation as previously but this time not allowed for the power point and I also presented the paper for you only.*

Tuan Pengerusi: *You summarize and we will read the rest of the paper.*

Encik Kong Yun Chee @ Joshua Kong: Okey,

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Jawatankuasa, *have you got the copy, salinan kertas?*

Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha Dewan Rakyat]: *Is it the yellow one?*

Tuan Pengerusi: *The yellow one, yang ini?... [Merujuk kepada kertas pembentangan] Silakan*

Encik Kong Yun Chee @ Joshua Kong: *The title of my paper is Commandment 10+1- a matter of simple arithmetic. The focus on my paper is discrepancy in the ballot paper issue at every election and you can see from the paper, there is a case I has highlight, it is about P18 Pekan Pahang, where you have the Parliament seat the issue paper 41,000 at the top left. Then at the middle is 42,000 State Seats. This figure should agree because everybody gets the same ballot paper. But at the end of the day, you got about 1,502 discrepancies, but the Election Commission never wants to explain this figure. Also, there is not return ballot paper for the State Seats is 898, and for Parliament is 0. Again this is the discrepancy the Election Commission doesn't want to explain. Okay, you can see the summary of this two sheets on the inside page at the back and the front inside page for the two elections GE 2004 and 2008. These are the summary and you can see there are the highest one is for GE 2004 is 4,843 for Parliament Seats for 2008 the highest Seats discrepancy is P.69 - 1,947.*

So, I go straight to the ten points. The ten points are already sent to the email to you people. The ten points is number one, to train all election agents, everybody there and paid by the government SPR, not to be paid by any public property. You only need to election agent each polling booth - one for the government, one for the opposition. No need to have five if they have five candidates. Then, no hand phone and telephone for all the officers inside the pooling booth and also asset-up an elections code in all major towns as soon as the Parliament resolve.

Election Commission appointed auditors and then to seek pre-qualification of candidates before the nomination to avoid problem at nomination center. Also to introduce the birth certificate of all candidates in addition to myKad. The IEC also have to provide a complete list of election results in their office and cancel all the high deposit so that more people can participate.

Revamp the Register of Society so that the people also can participate rather than spoiled by non-registration or political parties. NRD also have to make sure all the electoral rolls are not loaded with protect IC and phantom voters and this is the focus. EC has to complete system of checking and balance especially on the ballot paper and the ballot boxes on the Election Day so that the result declared is true. These are the ten points and last one. We have this introduction, this is my main paper. Okay.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih kepada Encik Daniel mewakili Borneo Heritage Foundation. Ada satu yang menarik perhatian saya iaitu postal vote, all along the last few session, we say that we can excluded the army or the police who are postured boarder area or isolated island likes Sipadan kah, that this people can be allowed to do the postal vote. But here Encik Daniel said that even them, they should followed the same procedure like any other voters, meaning to say, parties or candidates are allowed to send their observers, wakil or agent to this remote area, you know.*

Encik Daniel John Jambun: *Ya. Polling agent.*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *Polling agent. That is your suggestion?*

Encik Daniel John Jambun: *Ya.*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *I think it is worth looking into it because well again, if logistic, of course they excuse, I think we can discuss how we can find fund for that. I think if we want to be fair to all then probably everybody will vote the same way even though really far away. Termasuk tadi if you overseas, you are really far away from the country but still you can think of something. So, probably, his point can be taken to consideration. Thank you.*

Tuan Pengerusi: *Okey. Ada lagi? Okey, terima kasihlah kepada Encik Daniel for the input. Thank you semua.*

Encik Daniel John Jambun: *Thank you.*

Tuan Pengerusi: *Next group. Ada dua lagi. Saya ingin panggil ini PBS punya pemuda ini.*

Seorang Ahli: *PBS?....*

Tuan Pengerusi: Dia kata saya bukan wakil PBS. So, dia hantar dia punya wakil. Okey, dipersilakan kumpulan Pemuda/Exco dan beri masa. Memang ada pandangan-pandangan yang sudah diberikan sebelum ini. Kalau ada yang baru ataupun ada yang *fresh*, ataupun utama, dipersilakan.

[Saksi dari Pergerakan Pemuda Parti Bersatu Sabah masuk mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Sila perkenalkan diri. Lima minit atau enam minit.

4.53 ptg.

Encik Webley Disim [Timbalan Ketua Pemuda Parti Bersatu Sabah]: Selamat Petang dan Selamat Sejahtera.

Tuan Pengerusi: Sabah dan Sarawak. Eh! Bukan ini. Ada juga Sabah. Kebanyakan Sarawak tetapi kebanyakan di luar bandar.

Encik Webley Disim: Ya. Selamat Petang Pengerusi Panel. Saya mewakili Ketua Pergerakan Pemuda sebagai Timbalan Ketua Pemuda Parti Bersatu Sabah. Nama saya Webley Disim. Saya bersama dengan rakan-rakan Exco Pergerakan Pemuda. Di sebelah kanan saya ialah Encik Viccor Lee, Timbalan Ketua Pemuda Kota Merah dan di sebelah kiri saya ialah Encik Abdul Rahim Haji Lasim, Naib Ketua Pemuda. Di sebelah tepi kiri saya Encik Christopher Mandut, Naib Ketua Pemuda Kota Biru dan di sebelah kanan saya di tepi sana ialah Encik Peter Chin, Exco Pemuda Kota Merah. Terima kasih sekali lagi kepada Tuan Pengerusi dan semua panel kerana mengadakan satu sesi yang terbuka untuk memberikan pandangan bagaimana SPR ini dapat menjalankan tanggungjawab yang dikehendaki oleh semua rakyat di negara Malaysia yang tercinta ini.

Kami Pergerakan Pemuda mempunyai tiga cadangan kepada panel ini untuk memberikan penambahbaikan bagaimana SPR yang selama ini mendapat cemuhan dan tuduhan yang tidak sepatutnya daripada pihak-pihak sama ada daripada penyokong kerajaan ataupun penyokong parti pembangkang. Maka dengan ini, izinkan kami dan izinkan saya mengemukakan tiga cadangan kami dan seterusnya memberikan sedikit huraian dan laporan ataupun cadangan secara bertulis kami akan sampaikan kepada pihak panel pada esok pagi memandangkan cadangan-cadangan ini masih di tangan Ketua Pergerakan Pemuda kami, Yang Berhormat Datuk Jahid Jahim yang kebetulan mempunyai urusan yang tidak dapat dielakkan pada petang ini.

Walau bagaimanapun, beliau sangat suka sekali Yang Berhormat Ketua Pemuda ingin kami sampaikan perkara-perkara yang mengikut Pergerakan Pemuda adalah satu tanggungjawab bagi beliau khususnya di Sabah ini untuk campur tangan di dalam urusan pembersihan yang dimaksudkan oleh kerajaan di dalam pengurusan SPR.

Tuan Pengerusi: Okey. Terus *to the point*.

Encik Webley Disim: Okey. Pertamanya kita tidak menafikan bahawa laporan di mana-mana NGO dan termasuklah daripada pergerakan pemuda mempunyai bukti-bukti yang kukuh dan mempunyai bukti yang sahih bahawa buku daftar pemilih mempunyai kad-kad nombor pengenalan yang diragui. Jikalau kad atau nombor-nombor kad pengenalan yang diragui ini, pihak Jabatan Pendaftaran Negara sendiri pun meragui nombor berkenaan, kami pihak pergerakan pemuda mencadangkan dan merayu kepada pihak SPR untuk merujuk nombor-nombor kad pengenalan yang diragui itu daripada Jabatan Pendaftaran Negara dan mengeluarkan semua nombor pendaftaran itu daripada buku pendaftaran pemilih SPR.

Ini kerana jika itu diragui, bererti ia adalah yang dimaksudkan undi yang tidak sah dan tidak sah kerana kad pengenalan tersebut diperoleh dengan cara di belakang tabir. Perkara ini boleh kami senaraikan dalam surat ataupun laporan yang bertulis yang kami akan sampaikan kepada pihak urus setia pada hari esok pagi. Jika pihak SPR atau JPN memerlukan lebih banyak data, kami bersedia untuk bekerjasama dan memberikan nombor-nombor kad pengenalan, jumlah kad pengenalan yang diragui itu yang sepanjang pengetahuan Pergerakan Pemuda Parti Bersatu Sabah.

Kedua, jika cadangan pewujudan kawasan baru sama ada Dewan Undangan Negeri atau Parlimen di Sabah khususnya, kami mencadangkan supaya kawasan-kawasan haruslah mengikut geografi yang betul, bentuk muka bumi yang betul agar pentadbiran di kawasan-kawasan pedalaman, kawasan-kawasan yang terpencil dapat dilawati dengan kerap oleh para pemimpin atau wakil rakyat. Ini kerana kami melihat ada sebahagian daripada parti yang ingin mencadangkan persempadanan itu walhal cadangan yang mereka buat itu adalah tidak tepat dalam pandangan masyarakat pandangan umum.

Di mana kawasan di pesisiran pantai yang mudah dilawati dan mudah ditadbir diwujudkan satu kawasan sedangkan di kawasan perbukitan yang hanya kita sampai dengan menggunakan kereta *four wheel drive* yang hanya boleh sampai dengan helikopter diperbesarkan dan kawasan pesisiran pantai diwujudkan satu kawasan. Kami mencadangkan supaya pihak SPR haruslah menyelidik perkara ini.

■1700

Ini kerana kita lihat sebelum ini kawasan pilihan raya DUN dan Parlimen negeri Sabah, banyak kawasan yang telah dibatalkan dan diwujudkan semula. Sebagai contoh, kawasan Sook dan kawasan Langkon. Kalau kita lihat kawasan Sook, ia pernah dibatalkan tetapi kemudian diwujudkan semula. Kemudian Langkon, dibatalkan tetapi sehingga ke hari ini tidak diwujudkan, sehinggakan satu kawasan pilihan raya DUN N.5 Tandek, boleh saya katakan lebih besar daripada negeri Perlis.

Oleh yang demikian, kami memohon dan merayu supaya pihak SPR meneliti setiap persempadanan tanpa mengira kedudukan parti yang terbesar, tanpa mengira kehendak hati ingin membantu rakan parti yang lain, tetapi adalah lebih baik SPR meneruskan niat yang murni untuk betul-betul memajukan satu-satu kawasan dan betul-betul ingin membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat di satu-satu kawasan.

Maka dengan ini, formula-formula yang pihak Pergerakan Pemuda cadangkan ialah, kalau kita mengira jumlah kerusi Parlimen di Malaysia, kita mempunyai 222 kerusi, sedangkan Sabah hanya mempunyai 25 kerusi Parlimen. Kalau kita lihat daripada perjanjian yang telah pun dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia kepada negeri Sabah, kita layak mendapat tiga perempat ataupun 30% daripada jumlah kerusi. Kalau kita kira daripada itu, penduduk negara Malaysia pada hari ini secara tidak tepat tetapi dalam lingkungan lebih kurang 30 juta dan negeri Sabah sendiri menyumbang 3.2 juta secara tidak tepat tetapi kurang lebih. Ini bermaksud negeri Sabah mempunyai penduduk lebih daripada 10% atau 10% daripada jumlah penduduk negara Malaysia dan ini bermaksud negeri Sabah ini layak untuk mendapat 30 kerusi Parlimen. Begitu juga dengan kawasan DUN, Sabah hanya mempunyai 60 kerusi, dibandingkan dengan Sarawak yang mempunyai 71 kerusi. Kalau saya tidak silap dengan izin, Sarawak 70 ke ataslah.

Dengan ini, kami mencadangkan supaya perwujudan semula kerusi Parlimen atau ADUN di Sabah ini, berilah pertimbangan kepada kawasan-kawasan seperti yang disebutkan kawasan yang belum mempunyai wakil rakyat mewakili kaum-kaum minoriti tetapi majoriti di satu-satu daerah. Sebagai contoh, Daerah Kota Marudu mempunyai dua ADUN dan satu Parlimen. Sebelum ini kita mempunyai tiga ADUN. Apabila tiga ADUN wujud di kawasan Parlimen Kota Marudu, suku kaum Rungus biasanya akan mewakili kawasan N.4 Matunggong di mana kawasan itu majoritinya penduduk kaum Rungus. Manakala di DUN Tandek, sebelum ini diwakili oleh suku kaum Kimaragang kerana kaum ini diambil kira sebagai yang majoriti di kawasan ini. Apabila Langkon dimansuhkan, maka Kimaragang atau suku kaum ini tidak ada lagi wakil rakyat yang mewakili suara mereka.

Maka dengan ini, adalah wajar kawasan Langkon itu diwujudkan semula supaya kawasan Langkon ini akan dapat memberikan peluang kepada suku kaum majoriti di kawasan Tandek sekiranya ia dikatakan majoriti untuk mewakili kaum Kimaragang dalam Dewan.

Akhir sekali di dalam pandangan Pergerakan Pemuda, kami bersetuju supaya setiap yang berumur 21 tahun ke atas, yang sudah genap 21 tahun ke atas, agar didaftarkan secara automatik sebagai daftar pemilih dengan syarat pembersihan nombor-nombor kad pengenalan di negeri Sabah khususnya, terlebih dahulu dilaksanakan. Apabila pendaftaran secara automatik sebagai pemilih di negeri Sabah dan juga seluruh Malaysia ini, kami merayu supaya mereka didaftarkan mengikut alamat tempat lahir mereka dan bukannya di tempat mereka bekerja. Ini kerana di Sabah ada belia-belia kami yang bermastautin di negeri Johor dan Kuala Lumpur dan telah mendapat kad pengenalan yang beralamat di situ, jadi apabila mereka mendaftar sebagai pemilih, mereka telah didaftarkan mengikut alamat di dalam kad pengenalan mereka. Maka dengan ini, kami mencadangkan supaya setiap yang mendaftar secara automatik itu didaftarkan mengikut alamat tetap warganegara tersebut. Sekiranya mereka ingin berpindah, pihak SPR akan mengetahui di mana kedudukan mereka dan menyediakan borang-borang daftar untuk memindahkan nama mereka ke tempat di mana mereka memohon.

Satu lagi pandangan daripada Pergerakan Pemuda, dikatakan bahawa semua parti komponen Barisan Nasional di negeri Sabah dan juga parti pembangkang sudah bersetuju dengan penubuhan RCI atau Suruhanjaya Siasatan Diraja di negeri Sabah ini tentang ketelusan di dalam kewarganegaraan di negeri Sabah khususnya JPN dan SPR ini. Akan tetapi saya dan Pergerakan Pemuda Parti Bersatu Sabah masih tertanya-tanya dengan rakan kami khususnya parti tulang belakang Barisan Nasional Negeri Sabah iaitu parti UMNO Sabah, yang selama ini belum ada sedikit pun reaksi tentang RCI di negeri Sabah ini. Jadi saya lihat sekiranya pihak parti UMNO Negeri Sabah membuat satu reaksi sama ada menyokong atau tidak, saya percaya pihak Kerajaan Malaysia akan memberikan satu suara yang positif kerana UMNO ini adalah parti tulang belakang dan kami sebagai penyokong-penyokong kepada Barisan Nasional ini, sangat percaya bahawa suara daripada rakan kami ini sangat diperlukan dan suara yang kami kehendaki adalah menyokong agar RCI ini ditubuhkan.

Tuan Pengerusi: Okey.

Encik Webley Disim: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: *Alright*, saya rasa cukup jelas. Itu menekan berat sekali lagi apa yang disampaikan. Walaupun *automatic registration* itu belum lagi kita rumuskan di dalam pandangan kita tetapi ada satu pandangan tadi. Ada apa-apa...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya, saya hendak JPN berkenaan dengan apa yang disebutkan di dalam surat Parti Bersatu Sabah ini yang menyenaraikan nombor-nombor kad pengenalan yang didakwa adalah mereka yang tidak sepatutnya menjadi pengundi di sini, betul bukan?

Tuan Pengerusi: Ya, dikemukakan surat...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi saya telah mengambil kesempatan tadi *to go online* dan *check* kepada SPR dan didapati masih ada lagi mereka-mereka ini sebagai pengundi SPR. Jadi saya hendak tanya dan utarakan kepada JPN sebab SPR mengambil maklumat daripada JPN. Itu yang dimaklumkan kepada kita, bukan? Jadi saya hendak bertanya kepada JPN, kalaulah saya mengambil nama, sebagai contohlah saya nama sekian-sekian apa semua, bagaimanakah JPN boleh membantu jawatankuasa ini memaklumkan kepada kami bahawa orang ini betul-betul dilahirkan di Malaysia ataupun diberi kerakyatan selepas dilahirkan ataupun macam mana dia mendapatkan kerakyatan dia? Ini kerana dia sekarang ini didaftarkan sebagai pengundi.

Tuan Pengerusi: Dan diragui.

Dato' Alwi bin Hj. Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya tengok *based on this letter*. So 'H' ini memang untuk Sabah lah. *So genuine* tidak *genuine this number, we have to check* dalam kita punya rekod.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kalau diberikan nombor kepada JPN, nombor ini diserahkan kepada JPN, adakah JPN boleh memberikan jawapan kepada Jawatankuasa ini mengatakan bahawa memang orang ini dilahirkan di sini kah ataupun dia mendapat kerakyatan secara begini ke ataupun secara yang...

Dato' Alwi bin Hj. Ibrahim: Kita boleh semak.

Tuan Pengerusi: Boleh?

Dato' Alwi bin Hj. Ibrahim: Boleh semak.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sebab saya tengok salah seorang daripada pengundinya itu dia mengundi di Melaka.

Tuan Pengerusi: Bukan di Kangar?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Bukan, dia mengundi di Melaka walaupun dia punya kad pengenalan H.

Dato' Alwi bin Hj. Ibrahim: Ya lah, kemungkinan dia berpindah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dia berpindah tidak ada masalah, *no problem that one*. Akan tetapi saya ternampak apabila saya *online* tadi saya nampak dia mengundi di Melaka. Seorang itu mengundi di Kota Belud – begitulah lebih kurang tadinya itu. Akan tetapi saya hendak tanyalah, kalau kita beri maklumat kepada JPN...

Tuan Pengerusi: *Just do sampling.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Bolehkah JPN memaklumkan kepada Jawatankuasa kami bahawa adakah mereka ini betul-betul rakyat Malaysia?

Dato' Alwi bin Hj. Ibrahim: Kita boleh semak yang itu.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ha, okey, okey.

Tuan Pengerusi: Okey, nanti kita buat senarai. Okey, kepada semua perwakilan daripada Exco Pemuda PBS, terima kasih di atas input. Kalau boleh secepat mungkin, esok kah, utk hantar catatan agar ia dimasukkan dalam *exhibit* kita untuk laporan ini. Okey, terima kasih Saudara Webley dan ahli kumpulan, terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat dan tuan-tuan dan puan-puan, *last one*, terakhir, dan ini ada unik sedikit kerana saya sudah temu bual beliau di luar, satu orang muda. Sebenarnya dia ini orang Sarawak tetapi dia berada di Kota Kinabalu dan dia hendak bangkitkan untuk masuk di dalam catatan apa yang dia inginkan. Sudah pun dibangkitkan tetapi saya rasa kalau boleh dia katakan – okey, *call him* lah apa yang sebenarnya keluhan dia. Saudara Osman bin Simpo dari Santubong.

[Saksi individu Encik Osman bin Simpo mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ya, Timbalan Speaker punya...

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Dari Sarawak kah?

Tuan Pengerusi: Ya tetapi dia berada di Sabah, jadi dia ada keluhan. Okey sila. Saya berikan lima minit.

5.12 ptg.

Encik Osman bin Simpo: *Bismillahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya Osman bin Simpo berasal daripada Kuching, pengundi di kawasan Santubong, DUN Pantai Damai dan sekarang bekerja di Kota Kinabalu. Saya hanya hendak mencadangkan satu *point* sahaja. Di sini saya mencadangkan supaya SPR bekerjasama dengan Parlimen Malaysia menubuhkan perwakilan negeri-negeri di mana fungsinya seakan-akan sama seperti duta-duta negara-negara asing di Malaysia.

Ini kerana seperti yang panel sedia maklum, ramai orang-orang negeri yang bermastautin di negeri lain seperti saya sendiri yang berasal daripada Sarawak dan bekerja dan bermastautin di negeri Sabah, malah ada beberapa orang dari negeri-negeri seperti Kelantan, Johor, Selangor dan sebagainya yang turut bekerja di Sabah.

Masalah yang timbul adalah setiap kali pilihan raya kecil, pilihan raya Negeri Sarawak ataupun pilihan raya umum, mereka-mereka yang bekerja di negeri-negeri lain menghadapi kesukaran untuk balik hanya untuk mengundi. Contohnya ramai orang Sarawak yang bekerja dan tinggal di Johor, tidak kah ini akan menyusahkan mereka dari segi kos balik, tambang perjalanan dan akhirnya jalan yang paling mudah ialah tidak perlu balik hanya kerana untuk mengundi. Bukankah ini satu pembaziran akibat ketidakhadiran pengundi dan bilangan pengundi yang kurang? Memang ada keperluan untuk menukar alamat kad pengenalan untuk memudahkan pengundi-pengundi mengundi di tempat baru tetapi berapa ramai kah yang berbuat sedemikian.

Saya melihat SPR patut meneliti cadangan saya ini kerana sebagai negara demokrasi, SPR patut memikirkan cara untuk menyenangkan pengundi, bukan semakin menyusahkan pengundi. Cadangan supaya pengundi menukar alamat lama kepada alamat baru tempat bermastautin hanya membuang masa kerana tidak semua orang mahu berbuat sedemikian dan akan menimbulkan masalah lain seperti daftar pengundi tidak padan. Parti politik mungkin akan melihat ini sebagai pengundi hantu kerana orang yang bukan berasal daripada tempat itu tiba-tiba datang mengundi seperti saya sendiri. Saya mencadangkan supaya diwujudkan perwakilan seperti contoh perwakilan Sarawak di Kota Kinabalu untuk memudahkan semua orang Sarawak yang bekerja dan bermastautin di Sarawak...

Tuan Pengerusi: Di Sabah.

Encik Osman bin Simpo: ...Dibenarkan mengundi di satu tempat di Kota Kinabalu. Sama juga di Johor di mana saya rasa ramai orang-orang Sarawak yang bekerja dan bermastautin di Johor. Mereka tidak perlu balik dan hanya mengundi di Johor Baharu. Itu cadangan saya.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih di atas pandangan itu. Kita akan renungkan dan masukkan di dalam laporan kita apabila resolusi telah dibuat. Okey, terima kasih saudara Osman.

Encik Osman bin Simpo: Terima kasih kembali.

Tuan Pengerusi: Ya. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bercadang menangguhkan Mesyuarat sebentar dalam 10 minit dan kita balik untuk membincangkan penyediaan laporan dan *post mortem* sedikit untuk hari ini dan esok tetapi lebih lagi ialah tentang penyediaan laporan awal Jawatankuasa ini. Saya menangguhkan mesyuarat 10 minit dan balik pada jam 5.40 petang. Okey, *thank you*.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.15 petang

Mesyuarat disambung semula pada 5.48 petang.

■1745

Tuan Pengerusi: Okey Ahli-ahli Yang terhormat serta juga pegawai-pegawai khususnya agensi-agensi dan wakil yang telah dipertanggungjawabkan sebagai *uncall* dalam mana-mana jawatankuasa kecil yang ditubuhkan. Pertamanya terima kasih terutama kepada Ahli-ahli Yang terhormat dan pegawai-pegawai tertinggi mewakili pelbagai kementerian. Datuk Roosme dan pasukan kerana satu hari sudah selesai dari segi pendengaran awam. Tadi ada 12 pasukan semuanya yang telah hadir dan berbagai-bagai pendekatan, *but they are seem, we can largely see what they are act* dan sebahagian daripada tugas hari ini.

Malam ini adalah kerja malam, satu ialah selesaikan, *to go through the things*, kita mahu supaya jawatankuasa kecil itu berjumpa di bawah pimpinan satu atau dua Ahli Yang Berhormat untuk memeriksa atau pun memberi hala tuju dari segi pengumpulan isu-isu yang dibangkitkan dalam setiap pendengaran awam serta apa yang dibangkitkan oleh jawatankuasa semenjak ia bermesyuarat dan kita telah pun sediakan jadual untuk tujuan tersebut sebagai dimasukkan dalam laporan awal pihak kita.

Kita telah bercadang pada saat ini dalam mesyuarat kelima yang lalu bahawa jawatankuasa ini akan membuat laporan awal kepada Parlimen dan slot yang telah diberi kepada kita ialah pada satu hari bulan, *last day* Dewan. Namun, untuk membentangkan usul itu bacaan pertama adalah pada 29 hari bulan iaitu hari Selasa. Semasa saya membentangkan nanti dokumen mesti sudah di atas meja, kalau tidak *complete* seharusnya *complete*, tetapi mengikut urus setia barangkali yang *challenge would be the hansard* untuk dua hari ini punya. Akan tetapi sebenarnya untuk makluman dari segi dokumentasi sudah sampai kepada – semua mesyuarat jawatankuasa, lima mesyuarat dah dalam hansard, dan *last* pendengaran awam di Kuala Lumpur *except* di Kota Kinabalu belum siap. Semua memorandum yang kita terima setakat pendengaran awam telah dimasukkan sudah. Dari segi *appendixes* hanya beri perhatian adalah pendengaran awam dua hari ini serta juga pemfailan menyusun memorandum yang telah diberi.

Untuk tujuan itu saya difahamkan oleh Datuk Roosme, bahawa siang malam pihak Urus Setia Parlimen *will help to do the Hansard* dua hari, setakat mana yang boleh.

Itu tadi Yong Teck Lee *remind me*, dia bekas Ahli Parlimen, dia kata Suhakam punya di *public gallery* semua, ini lain punya kita hendak *record word for word, how that interference* semua ini tidak dapat didengar, so terpaksa dalam prosiding seterusnya berjalan dengan baik, *at the end I think he understand that*.

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, penjelasan. *I just want clarification*. Kita kena masukkan satu usul dalam Dewan Rakyat? Akan dibahaskan?

Tuan Pengerusi: Ya, bila saya membentangkan nanti saya baca, Ahli-ahli Yang Berhormat melihat ucapan pembentangan saya nanti dan memberi input seterusnya, di mana *lastly* ucapan itu adalah *summary* kepada itu dan *key point would be*, kami berharap *five or six things that we can agree*, yang lain itu masuk dalam senarai masih dalam pertimbangan jawatankuasa, *all the public hearing*. Tetapi *we hoping and I going to mention the topic* di mana pihak barisan di sini kami *more or less agree on five subject matters* dan *we feel to go with it*. Nanti saya bentangkan.

Tuan Loke Siew Fook: *Just clarification* ialah apabila Tuan Pengerusi bentangkan *on Tuesday*.

Tuan Pengerusi: *Yes, First Reading...*

Tuan Loke Siew Fook: Dia bukan rang undang-undang.

Datuk Roosme binti Hamzah: Ya, *that be on the table of Members*, dan ada usul, usul itu ialah lebih kepada majlis menerima laporan oleh Jawatankuasa. So, bila di bahas ialah *on the last day...*

Tuan Pengerusi: *Last day* saya bentang...

Tuan Loke Siew Fook: Okey, so Tuan Pengerusi akan bentang, selepas itu akan bahas, lepas itu, Tuan Pengerusi juga akan jawablah?

Tuan Pengerusi: *Yes*.

Tuan Loke Siew Fook: *Than the word are be taken*, ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, begitu formatnya. So, dari segi format laporan, *I can pass this around to* Ahli-ahli Yang Berhormat nanti, *straight forward*, ada lima bahagian, ikut format sebelum ini. So bahagian 1 adalah terma rujukan, pendekatan, taklimat oleh agensi, pendengaran awam. Bahagian 2 ialah, isu-isu pendengaran awam dan di sinilah yang kerja malam ini dan beberapa lagi di mana kita telah menubuhkan jawatankuasa kecil, mesyuarat yang diadakan dan penemuan dan penelitian jawatankuasa kecil.

Di sini yang kita telah sediakan borang, mengikut kepala-kepala nanti, kalau perundangan, perundangan dan proses pilihan raya, daftar pemilih, institusi, *alternative system have to follow that. Each* kumpulan kerja perlu meneliti senarai dan Ahli Yang Berhormat yang mempengerusikan perlu *make sure* supaya tidak ada tercicir perkara-perkara yang dibangkitkan oleh mereka dalam mesyuarat kita sendiri ataupun dalam jawatankuasa pendengaran awam.

So it sincerely, siapa cakap, apa perkara yang dibangkitkan dalam kepala itu, dan huraian perkara-perkara tersebut. *It just a listing of what we heard people want to say.* Nanti kita bincang dengan Ahli Yang Berhormat bagaimana susunan dari segi itu, tetapi *first things to capture* bahawa cadangan-cadangan yang bernas itu yang perlu kita ambil perhatian, hendaklah dimasukkan kalau tidak memang ada masalah. Memang kita biasa selalu bahawa jika ada pandangan-pandangan yang tidak tercatat, *nevertheless their in the word for word in hansard.* Ada juga yang lepas keluar laporan, dia cakap; “*Saya punya idea, kamu tidak ambil kira*”. Tidak juga tapi mengikut prioriti jawatankuasa, perkara begitulah.

So, borang itu telah pun diedarkan dan perlu diisi oleh setiap jawatankuasa *starting tonight.* Ada yang sudah bermula, misalnya isu-isu yang berkaitan dengan perundangan, Dato' Radzi punya *group* sudah mula...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *I think not complete Tuan Pengerusi this one, the various acts, yang akta-akta...*

Tuan Pengerusi: *Of course, this is a first try, nanti kita lagi...*

Tuan Wee Choo Keong: *I think we have a meeting that night, I mean that afternoon kan? All those akta-akta itu tidak dimasukkan di sini, but should be in here, sebab meeting itu saya bangkitkan perkara itu pada meeting yang sama yang semuanya ada ini. Akan tetapi, yang di bentang ini, tidak dimasukkan akta-akta, Printing Presses and Publications Act, multimedia dan sebagainya. So, bagaimana?*

Tuan Pengerusi: *Okey, this is a...*

Tuan Wee Choo Keong: *No, no, this is serious. Why all this admitted? Admitted totally, my suggestion, sedangkan Tuan Pengerusi pada masa itu telah berkata SPR ataupun pendaftaran untuk meneliti akta-akta ini. Takkanlah nota tidak boleh dimasukkan.*

Tuan Pengerusi: *Ahli Yang Berhormat, I think tonight will be...*

Tuan Wee Choo Keong: *No, but I mean all the list tidak ada di sini.*

Tuan Pengerusi: *Okey, so barangkali ada...*

Tuan Wee Choo Keong: *So this is our next Sabtu.*

Tuan Pengerusi: Saya tahu jawatankuasa yang lain belum lagi keluar ataupun sudah dalam proses? Ya, nanti mesyuarat jawatankuasa kecil, di mana ini dibentangkan, ada yang sudah ada format, ada draf. Saya punya bahagian daftar pemilih, belum lagi tapi ini malam saya sudah buat senarai untuk *check* kamu punya senarai nanti. So, ini dimasukkan di dalam bahagian itu dan *finally* di dalam bahagian itu ialah cadangan dan rumusan jawatankuasa. So, *for the moment*, dari segi di situ adalah perkara-perkara yang telah kita mempunyai peluang, saya berharap bahawa setiap kepala terma rujukan itu ada *not less* tiga atau lima ada, di mana kita sudah mula buat ulasan dan kita percaya pihak harus mengambil kira sebagai cadangan tetapi kita belum rumuskan.

Ini adalah apa yang kita rumuskan nanti adalah pandangan dan syor awal jawatankuasa. So, untuk ini daripada kalau $5 \times 5 = 25$, 25 yang pandangan daripada ahli-ahli jawatankuasa kecil adalah bagus dan harus diambil kira dengan ulasan kementerian ataupun jabatan berkenaan. Dengan ada senarai undang-undang perundangan yang terlibat atau seksyen-seksyen tertentu, kalau dialah perubahan kepada peraturan, *then* daripada 25 itu *we come home with suggesting decide* lima atau enam penemuan awal. Mana yang kita tidak boleh setuju, katakan itu masih dalam pertimbangan jawatankuasa melalui pendengaran awam. Untuk bagi kami di sebelah sini, untuk Ahli Yang Berhormat ada enam yang kami dah bincang-bincang dan saya mahu bentangkan. Satu dakwat, bahagian kami setuju tertakluk kepada kita puas hati dengan ulasan SPR nanti dan cara-cara penggunaannya.

Saya rasa setelah kita cadangkan, kita perlu *test* kepada dakwat itu dan puas hati dan *get some scientific expert you know to say that* seperti yang dikatakan oleh pasukan maju katakan ada juga orang cakap, you pasang *some chemical* di sana dia tidak akan melekat. *All this thing, we must fully suspect, so this is number one.*

■ 1800

Kedua dicadangkan, sebab ini kami rasa boleh masuk satu pengundi lebih awal, kedua pengundi awal – *instead of* masuk dalam *box* ini dalam undi pos ini pengundi awal telah pun SPR jalankan.

Ketiga *overseas voters*, kami bercadang *at least* membuka supaya *overseas voters*, *it is not just* untuk pekerja di konsulat kita, pegawai kerajaan *or students* tetapi juga semua–masalah di sini adalah pelaksanaan, pihak kami mengatakan *we just suggest* dulu *and the final details* itu barangkali *not possible* untuk pilihan raya kalau enam bulan ini diadakan, *it is the concept* tetapi saya terbuka kepada pihak SPR.

Keempat penggunaan statut *declaration* untuk pinda alamat di pihak JPN secara *declaration* dan itu telah kami putuskan dan kami setuju.

Kelima ada cadangan oleh pihak kawan pihak Ambiga tentang *more transparent polling center* termasuk di mana duduk-duduk pegawai dan sebagainya. Ini peraturan sahaja, jangan pegang pen, begitu. Kita perlu teliti itu. Saya rasa itu menambahkan *confident* kerana dulu ada rosak undi sebab pen dia beri jatuh dan *dual mark*. Kita kata jangan guna pen yang dua orang itu serta cara dia duduk, saya rasa kita perlu teliti. Akan tetapi ada dua, tiga hal di situ yang kami rasa boleh kita gunakan.

Untuk di negeri Sabah, *I think they are very concern about daftar pemilih ang effort towards cleansing the daftar pemilih*, ini khas untuk Sabah.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi, *I don't think that Sabah is simple, from what I see and here the document, I think is more than daftar pemilih. They are talking about the..., I mean the weightage the presentation based on the perjanjian Malaysia. I think...*

Tuan Pengerusi: Yes. Yang Berhormat Wangsa Maju, *everybody here speaking again about daftar pemilih dalam konteks of Sabah, tentang pembersihan. Not forgetting the...*

Tuan Wee Choo Keong: *No, I think that was the mean one Yang Berhormat. Every speaker that we heard from Sabah and tomorrow PBS, I think will come again and I am sure...*

Tuan Pengerusi: *The daftar pemilih and the 34%.*

Tuan Wee Choo Keong: *No, the 34% is perjanjian Malaysia.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *I thought the chairman now you are suggesting certain of the interim measure we can agreed...*

Tuan Pengerusi: *That is what I mean.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *So these Sabah problem actually is more structure long term problem. I do not think we can resolve it immediately.*

Tuan Pengerusi: *I know, I think the report – Sabah dan Sarawak no mention upon the effort towards cleansing the role – how to do it because the details have been work out tetapi dia ada special commitment toward cleansing.*

Tuan Wee Choo Keong: *I think Tuan Pengerusi, you have to do the 34%, you cannot just ignore that because that is a social contract, I mean the back bone of the...*

Tuan Pengerusi: Okey - yang kelima ini *we have no problem.*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Saya rasa dalam *interim report* ini semua masuk bukan? Ini kita persetujui dan ini kita mungkin boleh bincang *detail*. Akan tetapi Tuan Pengerusi saya hendak komen bahawa isu daftar pemilih hendak dibersihkan itu di Sabah ini saya rasa kita sudah mula.

Tuan Pengerusi: Okey memang kita senaraikan semua setakat apa yang dibangkitkan sebagai penambahbaikan. Namun apa yang kita setuju sahaja dilaksanakan secepat mungkin serta-merta. Bagi 11 ini, itu lima yang – *we will discuss among ourselves and of course the 34%*. Itu yang kami perlu bincang sini.

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi memang saya cadangkan begini, memang laporan interim ini memang tidak boleh dimasukkan semua. Kita faham *and we understand but it must be under tracking* yang perkara-perkara macam *fundamentals* macam 34% yang dibawa oleh Sabah.

The other issue which is important is delineation atau konsep-konsep persempadanan semula. *I hope that can be bringing in* apabila kita buat kita punya *final report*. *Of course this interim report we can agree on few matter that immediate* punya *measures* yang boleh kita ambil sebelum *election* dan kita boleh *implements*.

So these interim reports have to cover all that matters. For daftar pemilih, saya rasa - *I mean we cannot to general on this one. I think the Sabah punya problem*, kita dengar banyak parti politik dan *all these testimonies today pun come to one conclusion that* mereka hendak minta supaya diadakan *Royal Commission Of Enquiry* terhadap IC palsu. *If we can make a suggestion if this committee made a stand that kita sokong cadangan itu and I think that will go along way.*

Tuan Pengerusi: Dalam pandangan saya dia di bawah pembersihan daftar pemilih melalui banyak proses, banyak langkah yang boleh dibuat. *Although* dia *strictly* berkaitan dengan PTI tetapi *we over flows to the* daftar pemilih. Namun saya belum runding sebelah sini tetapi setakat ini parti negeri di sini tidak kira kerajaan atau tidak...

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, saya rasa *fundamental problem* ialah dia punya IC, so berkait dengan daftar pemilih. Kalau kita dapat selesaikan *fundamental* IC itu, kalau kita tengok balik daftar pemilih, ia memang tidak akan *solve problem* itu. Itu memang kita tahu dia bukan dalam ruang lingkup kita punya jawatankuasa. Jadi kalau boleh kita boleh buat cadangan *that a further probe Royal Commission Of Enquiry* untuk *check specific* kepada masalah IC. *I mean that all allegations come from the parties and those of the component parties is BN in Sabah. I hope that can be insisting.*

Tuan Pengerusi: *I mean* resolusi kongres baru-baru ini memang begitu juga. Saya rasa boleh dengar tadi bahawa semua parti sentuh perkara ini. *But interlink with the issue on IC and then* dia punya *impact on* pendaftaran sebagai pengundi. Kita tidak boleh pisahkan dua perkara itu.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi, tadi dia katakan mesti ada *statutory declaration on and all that. I think like seksyen 15 of the National Registration Act, we must have a penalty clause and that at least we can recommend.*

Tuan Pengerusi: *Sure.*

Tuan Wee Choo Keong: *I say not a single word in here today, all these are discuss on the same day.* Ini sudah di bincang seminggu yang lalu.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Wee Choo Keong: Satu A pun tiada.

Tuan Pengerusi: Belum masuk lagi. Ini malam...

Tuan Wee Choo Keong: *No*, itu sudah bincang, seminggu sudah. You were there right? Sudah bincang bukan?

Tuan Pengerusi: Bagi pihak sekretariat.

Tuan Wee Choo Keong: Sedikit pun tiada. Mungkin kena guna dakwat kekallah ini.

Tuan Pengerusi: Jadi begitulah pendekatan ini. Saya berharap bahawa memang banyak isu dan lebih 30 isu berada dalam senarai saya nanti kita agihkan mengikut kepala-kepala dan baru kita kembali kepada *the top lima or enam* untuk laporan interim atau laporan awal yang kita persetujui. Mana yang kita belum lagi terasa selesai dan mengatakan mari buat bersama ataupun tidak dapat persetujuan mesti dalam pertimbangan jawatankuasa. *By the time we finish the tiga bulan itu*, saya rasa kita boleh – Ya Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi, enam perkara yang disebutkan tadi itu, ada yang bercakap mengenai pendaftar pemilih, proses pilihan raya, *something to do with the law here also* tetapi tidak ada mengenai SPR. Namun kita perlu cari juga sesuatu yang banyak kita sebut ya.

Tuan Pengerusi: Yang selalu keluar ini SPR di bawah Parlimen. Itu satu tetapi kita belum lagi bincang dalam-dalam.

Tuan Wee Choo Keong: Paling penting Tuan Pengerusi SPR mestilah bebas di mana mereka ada hak untuk – sumber kewangan mereka sendiri, *hire and fired, sue to be sued.* Sebagai satu legal entiti di mana mereka boleh...

Tuan Pengerusi: Itu yang kami belum bincang.

Tuan Wee Choo Keong: Kemudian SPR mesti ada perundangan mereka sendiri, bukan jabatan peguam negara. Seperti sekarang peguam negara cakap begini dan dalam *meeting* dia cakap begitu pula.

Tuan Pengerusi: *These are the possibilities* tetapi yang lima seksyen itu kami telah persetujui untuk dicadangkan.

Tuan Wee Choo Keong: *That is more important* Tuan Pengerusi because the public is complaining about SPR. Bukan pegawai SPR tidak baik, SPR ini pegawainya dalam keadaan begitu dan mereka terpaksa menjalankan tugas.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *I agree because they are* suruhanjaya they should be independent.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *They are independent, they are appointed* by Yang di-Pertuan Agong with the congruence of the council, rule, the highest entrenchment you can precept under the Perlembagaan.

Tuan Wee Choo Keong: *Yes but they are not even resemble with the* Perlembagaan to said that they are must be independent.

Tuan Pengerusi: *The officers are also government officers and have their own* scheme of the service....

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi, *we are not saying that they are bad, I* mean the condition that they are working under. Not the pegawai....

Tuan Pengerusi: *We are open to discuss this further* berkenaan yang lain daripada yang lima nanti. Baik Yang Berhormat Rasah.

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi saya hanya mendapatkan kepastian kerana kita akan buat cadangan-cadangan ini, *this from PSC, by partisan*. SPR ada buat cadangan-cadangan *during the their first meeting* dengan kita. Saya hendak tahu sama ada kalau perkara-perkara yang bukan kita cadangkan oleh PSC, adakah SPR akan terus buat ini. Ini sebab ada dua, tiga perkara yang kita rasa ada kurang selesa iaitu umpamanya mereka kata ada perubahan terhadap arakan penyokong mengiringi calon semasa penamaan calon. Ada perubahan dari segi penamaan calon yang kita tidak bincang dalam komiti ini kerana ini bukan dalam skop kita.

Kedua, berkenaan dengan pemasangan bahan kempen dan sebagainya, yang ada *repetition*. Saya punya soalan ialah skop-skop ini kalau tidak setuju dalam PSC, saya hendak tanya SPR punya pandangan, adakah hendak teruskan atau ikut cadangan daripada PSC? Memang kalau hendak kita adakan, memang SPR ada kuasa untuk melaksanakan ini tetapi *is defeat the purpose of* semangat?

Tuan Pengerusi: Dalam pandangan kita, oleh sebab PSC ditubuhkan bahawa apa cadangan di sana pun diangkat melalui di sini.

Tuan Loke Siew Fook: Ya maksud saya, saya bimbang bahawa cadangan-cadangan yang kita tidak buat dalam PSC dan SPR laksanakan benda itu. So semangat kita hendak adakan PSC Ini tidak dihormati lah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Apa yang saya faham prosedur dia, selepas ditubuhkan PSC ini, *all laws and regulation pertaining to election has to be done by us only. SPR has no more power to enact and make any more amendment until we finish the report.*

Tuan Pengerusi: Cadangan-cadangan tadi Yang Berhormat Rasah, kita *do a checklist* lagi. SPR dan JPN apa lagi yang baru yang perlu kita masukkan? Tadi kami belum buat resolusi mengenai dengan banyak poster dan sebagainya, ikut harus pusat pengundian, *we have to resolve on that one.* Jadi *by my own view, saya check, I think you need a lot more time to reflect, so it has to be in the final report.*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Kalau kita tengok dalam dua laporan yang diberi oleh SPR itu, kedua-duanya merujuk kepada mesyuarat jawatankuasa PSC. Ertinya inilah cadangan mereka kepada PSC. Jadi kalau ikut roh ini, tidak bolehlah di buat apa-apa perubahan dan pelaksanaan melainkan diperakui di sini.

Tuan Pengerusi: Ya *the final report* atau interim, apa lagi, *we will check with you that you want to make change and see* untuk kami setuju atau tidak.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Ya. kalau ada lagi cadangan yang belum di bincang, kita mahu lagi tengok *checklist* dia nanti supaya tidak ada lagi yang...*[Disampuk]*

I think the purpose is to look into SPR even the institution. Jadi dia tidak boleh berfungsi sendiri atau memulakan sesuatu peraturan – Katakan peraturan atau perubahan kecuali melalui kita atau kecuali kita sudah selesaikan tugas kami.

■ 1815

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Akan tetapi *cautionnya* Tuan Pengerusi, *we have to be fairer and we have to be* menyeluruh. Kalau tidak nanti mereka hendak membuat sesuatu.

Tuan Pengerusi: Itulah saya katakan tadi *check list* apabila kita sebelum daripada 29 hari bulan itu, *we have to say* apa lagi. Namun *we still have a long list anyway* sampai *first week of April.* Namun untuk tujuan interim ini, *the list will next exhaustive* sebab kita perlu ada lagi empat pendengaran awam. So tetapi mana yang *crucial for immediate implementation* kita boleh setuju tidak payah tunggu. Itulah kepada kami. Baru lima. Saya minta kata putus nanti daripada pihak bukan kerajaan dalam perkara ini. Ada lima hingga enam. *We have already cleared with our parties and so forth.*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Satu lagi penjelasan saya minta. Oleh kerana cadangan kita ini akan dibahaskan pada hari terakhir, jadi mesti dakwat kekal, memerlukan perubahan dalam peraturan.

Tuan Pengerusi: Satu lagi perlu dua bulan.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Dua bulan. Itulah ertinya kalau kita luluskan pada hari Khamis...

Tuan Pengerusi: Akan digunakan.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Mereka boleh teruskan walaupun perubahan-perubahan peraturan itu mesti juga diletakkan di meja kita.

Tuan Pengerusi: Belum lagi tetapi kita sudah syorkan untuk dibuat. *So, dateline with may have to set for them.*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Semoga tidak ada *correction*lah. Kalau tidak...

Tuan Pengerusi: Itulah saya rasa bagus ambil peluang buat resolusi mana yang kita boleh setuju *for immediate implementation*. Kalau sempat, tidak sempat itu susah juga menentukan.

Tuan Loke Siew Fook: *Just follow up on the question*, Tuan Pengerusi. Kalau katakan *this is just presumption*, kalau kita sudah luluskan usul itu dan kita minta SPR buat pindaan umpamanya dakwat kekal, tetapi proses itu kena dapat pertukaran dalam peraturan pilihan raya. Jadi kena mendapatkan persetujuan dari Yang di-Pertuan Agong. Selepas itu letakkan dalam...

Tuan Pengerusi: Meja mesyuarat.

Tuan Loke Siew Fook: Meja mesyuarat. Katakan mesyuarat kita pada bulan Mac. Kalau katakan pada bulan Februari ada pilihan raya. *Can we implement that before the day on the table in Parliament?*

Datuk Rosmee Hamzah: Peraturan tidak perlukan *on the table*, bukan? Peraturan *is not...*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Loke Siew Fook: Tidak perlu, bukan?

Tuan Pengerusi: Tidak payah. *After the event* boleh letak di meja.

Tuan Loke Siew Fook: Maksudnya kalau tidak perlu sampai Parlimen pun boleh laksanakannya? Okey, saya mahu *confirmation* itu.

Tuan Wee Choo Keong: *It is by delegate legislation.*

Tuan Loke Siew Fook: *Okay, thank you, thank you.*

[Beberapa Ahli berbincang tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Mengikut peraturan dakwat, AG kata *he got the draft on it.*

Tuan Loke Siew Fook: *Okay, that's good.* Kita harap itu dapat dikekalkan.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi bagi saya *I need to see the technology, have to test our own finger you know. Get some technical expert to say to give us the evidence.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *You can go all the fast going test on...*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Mereka kata...

Datuk Rosmee Hamzah: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Tadi dia cakap-cakap ada seorang. Dia kata *if we put something glue in say, we must stick there*. Macam-macamlah. *I said we will get the best expert to on the - including* yang sudah pakai ini di negara lain *if we have to*.

Okay, I don't want to fine to the five, kalau dua hari ini ada lagi, *then we have to refer consult on our side. But I am offering those lima, enam*. Yang Berhormat Gombak *is not here* tetapi *from the tone, we seem to be able revolving*. Asalkan ada enam, ambil dahulu yang *crucial, then* saya rasa *the rest* mesti dalam pertimbangan Jawatankuasa. *To public hearing and* lebih-lebih lagi kita *consult each other* dan lebih bersetuju dan baru kita masukkan kembali dalam ini. *So* untuk *the rest of tonight*, saya mencadangkan supaya pecah mengikut kumpulan. Setiap Ahli Jawatankuasa Yang Berhormat mempengerusikan....

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi, *there are two I mean the two* undang-undang *and then* satu lagi mengkaji sistem alternatif.

Tuan Pengerusi: Jumlah 34% itu mesti masukkanlah.

Tuan Wee Choo Keong: *Yes* mesti masuk tetapi *those are not around*.

Tuan Pengerusi: *You have to do with the officers*.

Datuk Rosmee Hamzah: *You have vote....*

Tuan Pengerusi: Gabungkanlah. *So*, untuk di sini, undang-undang, Yang Berhormat 'Kangsar'. Bukan Yang Berhormat Kangar tetapi yang bersama beri gabung bersamalah mengkaji proses pilihan raya. Yang Berhormat Hulu Selangor dan Yang Berhormat Gombak tidak ada. *We just meet officer's* untuk *tabulation* dan semua itu. Saya dengan Yang Berhormat Rasah ialah daftar pemilih. *So* kita di bilik Selangor *you know* dan pengukuhan Suruhanjaya ialah Yang Berhormat Alor Gajah dan Yang Berhormat Kuala Krai di bilik Perak. Setiausahanya semuanya ada ditulis di sana dan pegawai-pegawai mengikut pengagihan Jawatankuasa dahulu. *Finally*, mengkaji sistem pilihan raya alternatif. Gabungkan dengan perundangan. *You want to makan first* atau terus kerja? Atau *dinner* sudah sedia?... *[Disampuk]* Baru pukul 6.30 petanglah. Teruskanlah. *So*, saya bebaskan daripada sini. Berapa lama *you* hendak duduk okey dan aturkan tarikh atau masa untuk berjumpa dengan Jawatankuasa kecil.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sebelum kita pergi, Tuan Pengerusi, satu lagi *point* yang mungkin telah terlupa dan tidak disebut iaitu tentang OKU tadi. Saya ingat semua bersetuju.

Tuan Pengerusi: Okey, OKU. OKU boleh, boleh.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Hanya minta penjelasan. Adakah kita hendak benarkan rakyat bukan Malaysia *to accompany him*.

Tuan Wee Choo Keong: *No, it must be rakyat Malaysialah.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Malaysian and over 21 years old.*

Tuan Pengerusi: *So, OKU itu masuk ke peraturan enam. Tidak ada masalah. Okey, tentukan mesyuarat susulan bersama. Kami ingin berjumpa di bilik Selangor bagi daftar pemilih punya team. Your finish, up to you when bila pergi makan. Dengan itu saya tangguhkan Mesyuarat peringkat induk kepada esok jam 9.30 pagi. Terima kasih.*

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.21 petang.